Penjualan babi, arak atau minuman yang memabukkan; patung, salib dan seumpamanya adalah diharamkan oleh Islam. Kebenaran untuk memperniagakan barangan ini akan memudahkan manusia melakukan maksiat dan melanggar perintah Allah SWT.²⁶ Sabda Rasulullah SAW:

ان الله ورسوله حرم بيع الخمر والميتة والخنزير والأصنام.

Maksud:

Sesungguhnya Allah SWT dan Rasul-Nya mengharamkan penjualan arak, bangkai, babi dan patung berhala.

Muhtasib dalam soal ini berkuasa menta'dib dan mentakzirkan orang-orang yang melakukan kemungkaran tersebut. Ibn al-Ikhwah menyebutkan bahawa *takzir* boleh dikenakan terhadap orang yang mempamerkan arak dan alat-alat hiburan iaitu dengan memusnahkan arak dan alat-alat hiburan yang dirampas atau menukarkannya menjadi alatan lain yang bermanfaat.

II Membanteras penipuan, pembohongan, dan penyelewengan pada barangan dan harga

Penipuan dan pembohongan merupakan perkara yang biasa berlaku dalam kegiatan ekonomi sesebuah masyarakat. Oleh sebab itulah Islam memandang tinggi peniaga yang benar dan jujur dalam perniagaannya serta menjanjikan azab terhadap segala jenis penipuan. Sabda Rasulullah SAW:

التاجر الصدوق الأمين مع النبيين والصديقين والشهداء.

Maksud:

Peniaga yang benar dan amanah bersama-sama para nabi, siddiqin dan syuhada (pada hari kiamat).

Sabda Rasulullah SAW:

الخدیعة فی النار ومن عمل عملاً ليس عليه أمرنا فهو رد.

Maksud:

Penipuan di dalam neraka, maka sesiapa yang melakukan amalan yang bukan dari arahan kami maka dia ditolak.

Antara bentuk penipuan dan pembohongan yang biasa dilakukan dalam perniagaan ialah aktiviti jual beli al-najash iaitu peniaga membuat pakatan dengan individu tertentu yang sebenarnya tidak mahu membeli barangan tetapi beliau diminta untuk membuat tawar-menawar barangan dengan harga yang tinggi, dengan harapan supaya pembeli-pembeli lain yang mahu membeli barangan tersebut sanggup pula menawarkan harga yang lebih tinggi bagi mendapatkannya.³¹ Termasuk dalam bentuk perbuatan al-najash ialah perbuatan penjual itu sendiri yang menipu dengan memberitahu harga belian yang lebih tinggi daripada harga sebenar yang dibelinya supaya dengan itu keuntungan yang diperoleh juga lebih tinggi.³²

Bentuk penipuan lain ialah tindakan sesetengah peniaga yang mempamerkan barangan yang masih elok dan menyembunyikan

barang yang rosak atau aib sehingga menyebabkan pembeli tertipu dan membayar harga yang tidak sepadan dengan nilai barangan. Sesetengah peniaga juga ada yang mendakwa barang yang dijualnya mempunyai kelebihan dan keistimewaan berbanding dengan produk lain sedangkan sebenarnya kelebihan tersebut tidak wujud seperti dalam jualan *al-mussarrah* iaitu perbuatan mengikat kantung susu haiwan dan membiarkannya beberapa hari supaya susu berkumpul dan nampak banyak, dengan itu pembeli akan menyangka haiwan tersebut sememangnya subur dan mengeluarkan banyak susu, seterusnya berminat membelinya dengan harga yang tinggi.³³

Antara strategi pembohongan lain ialah pengiklanan dan penerangan tentang sesuatu produk yang tidak benar sebagaimana yang digambarkan, bahkan terdapat juga sesetengah peniaga yang sanggup bersumpah dengan nama Allah SWT hanya semata-mata untuk meyakinkan pembeli terhadap barangannya dan seterusnya mendapat keuntungan yang tinggi daripada barangan tersebut sekalipun dia sedar sumpahnya itu palsu.³⁴ Penggunaan sijil halal palsu ialah contoh penipuan iklan yang berlaku pada masa ini.

Penipuan pada timbangan dan sukatan juga merupakan antara bentuk penipuan yang kerap berlaku. Oleh itu, ayat-ayat al-Quran banyak menyentuh soal mencukupkan timbangan dan sukatan serta mencela orang yang mengurangkannya. Firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الزُّنْتَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ ﴿١٠﴾

Terjemahannya:

Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang.

(Surah al-Rahman (55):9)

Firman Allah SWT:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿١٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿١٣﴾ أَلَا يَظُنُّ أُولَئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ﴿١٤﴾ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾ يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

Terjemahan:

“Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi, tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati) ? Pada hari (kiamat) yang amat besar (huru-haranya). Hari berdiri manusia untuk mengadap tuhan sekalian alam.

(Surah al-Mutaffifin (83): 1-6)

Muhtasib dalam menangani dan membanteras penipuan dan penyelewengan para peniaga pada barangan dan harga ini hendaklah mencegah perbuatan tersebut sekiranya dapat dikesan. Para *muhtasib* juga diberi kuasa untuk memeriksa dan menguji alat timbangan, sukatan dan ukuran yang digunakan bahkan mereka juga berhak untuk memeriksa dan mengawasi kedai-kedai yang menjual alatan tersebut dan memastikan pembuatannya mematuhi piawaian yang ditetapkan. Mereka juga berhak menghukum para peniaga yang melakukan penipuan mengikut kesesuaian dan tahap penipuan yang dilakukan. Apabila penipuan yang dilakukan pada barangan itu sukar dikesan dan tidak diketahui oleh pembeli maka ia dianggap kes penipuan yang berat dan hukumannya juga lebih berat, tetapi sekiranya penipuan itu mudah dikesan dan mungkin boleh diketahui oleh pembeli maka hukumannya lebih ringan. Begitulah juga halnya dengan penipuan yang membabitkan soal mempermainkan harga barangan.

III. Mencegah urus niaga yang melibatkan unsur riba

Riba membawa maksud bertambah, berkembang, naik, bengkak, membesar dan tanah tinggi.³⁹ Istilah syarak pula menurut Mustafa Hj Daud⁴⁰ sesuatu perniagaan itu dikatakan terlibat dengan riba apabila berlaku hal-hal berikut:

- a. Jual beli riba, iaitu akad terhadap jual beli yang tidak diketahui persamaannya pada timbangan atau sukatan yang diakui syarak dan berlaku padanya lebih secara tidak adil.
- b. Pertukaran mata wang atau barang jenis riba, iaitu menanggukkan penyerahan salah satu barang yang dijual beli dan kerana penanggukan itu maka tambahan atau lebih dikenakan sama ada pada matawang atau barangan.
- c. Hutang, iaitu bayaran yang lebih daripada wang yang dipinjam mengikut perjanjian yang disyaratkan terlebih dahulu.

Hukum riba amat jelas kedudukannya dalam Islam.

Firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا⁴¹

Terjemahannya:

"Padahal Allah telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba."

(Surah al-Baqarah (2): 275)

Hadis yang diriwayatkan daripada Jabir r.a. dengan katanya:

لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم آكل الربا ومؤكله وكاتبه وشاهديه،
وقال هم سواء⁴²

Maksudnya :

Rasul Allah SAW melaknat pemakan riba, pemberi riba, penulis urusan riba dan kedua-dua saksi urusan riba, dan Rasul Allah SAW seterusnya berkata: Mereka semuanya sama (dalam melakukan dosa).

Dalam bidang perniagaan Islam menetapkan setiap urusan niaga mestilah bebas daripada unsur riba. Seseorang penjual boleh menetapkan satu harga barangan pada satu masa menggunakan kaedah berikut:

Apabila seseorang penjual meletakkan harga barangan pada satu masa dengan harga lebih tinggi jika dibuat secara bertempoh (hutang) dan dengan harga lebih murah jika dibuat secara tunai. Urus niaga yang diamalkan seperti ini berbentuk riba. Urus niaga riba juga wujud apabila berlakunya pertukaran barangan yang serupa tetapi tidak sama kuantitinya yang dikenali sebagai riba *al-fadl*.

Muhtasib selaku pihak yang bertanggungjawab terhadap perniagaan di pasar hendaklah memantau dan mencegah setiap urus niaga yang melibatkan riba. Mereka diberi kuasa untuk menghukum para pengamalnya sekiranya didapati bersalah kerana ia merupakan perkara mungkar yang wajib dicegah.⁴⁴

IV. Memerangi perbuatan *ihthikar*

Ihtikar bermaksud aniaya, zalim dan menimbun barang. Dari segi istilah pula, berbagai-bagai definisi telah dikemukakan oleh para fuqaha:

Sesetengah fuqaha yang menghadkan *ihthikar* hanya pada makanan semata-mata seperti Shafieyyah mendefinisikannya *ihthikar* sebagai pembelian makanan semasa harga naik dan menyimpannya untuk dijual dengan harga yang lebih tinggi dan menyusahkan orang ramai. Hanabilah pula mengatakan *ihthikar* ialah pembelian makanan dan menyimpannya untuk menunggu harga naik.

Sesetengah fuqaha yang tidak menghadkan *ihthikar* hanya berlaku pada makanan seperti Hanafiyyah mendefinisikannya sebagai pembelian makanan selain tujuan menahan sehingga harga barangan melambung tinggi. Malikiyyah pula mengatakan *ihthikar* ialah mengikuti perkembangan pasaran dengan tujuan menaikkan harga.⁴⁶

Sungguhpun para fuqaha berbeza pendapat tentang definisi *ihthikar* tetapi mereka telah sepakat mengharamkan perbuatan *ihthikar* dan pelakunya. Mereka bersandarkan dalil yang sahih daripada hadis-hadis Rasulullah SAW. Sabda Rasulullah SAW:

لا يحتكر إلا خاطئ⁴⁷

Maksudnya:

Tiadalah orang yang melakukan monopoli itu melainkan dia bersalah.

Sabda Rasulullah SAW:

الجالب مرزوق والمحتكر ملعون⁴⁸

Maksudnya:

Pembawa barangan akan diberi rezeki, manakala penimbun akan dilaknat.

Pengharaman *ihhtikar* dalam Islam juga sebenarnya berkait rapat dengan keburukan yang timbul daripada amalan *ihhtikar* itu sendiri yang merampas kebebasan dalam perniagaan dan perusahaan, di mana orang yang melakukan *ihhtikar* (*muhtakir*) yang menguasai pasaran mampu berbuat apa sahaja termasuk menentukan harga pasaran mengikut kehendak dan nafsu mereka. Ini tentunya menyusahkan orang ramai sebagai pengguna. Di samping itu juga ia menutup peluang orang lain untuk mencipta kejayaan dan kekayaan sebagaimana yang dinikmati oleh *muhtakir*. *Ihtikar* juga memusnahkan unsur persaingan sihat dalam perniagaan yang boleh meningkatkan produktiviti dan daya kreativiti bagi sesuatu perniagaan atau perusahaan.⁴⁹

Al-Kufrawi menyatakan terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum *ihhtikar* itu boleh dianggap haram, iaitu:

- a. Hendaklah sesuatu barangan yang di*ihhtikarkan* itu melebihi keperluan *muhtakir* dan orang-orang yang di bawah tanggunannya bagi tempoh setahun genap. Ini kerana adalah harus bagi manusia untuk menyimpan keperluan ahli keluarganya dan Nabi Muhammad SAW sendiri menyimpan makanan asasi untuk keluarganya ketika baginda SAW mampu berbuat demikian.
- b. Hendaklah *ihhtikar* itu dilakukan dengan tujuan menunggu peluang menaikkan harga apabila manusia amat berhajat kepada

barang yang di*ih*tikarkan. Kenaikan harga yang tinggi akan menyebabkan barangan hanya berlegar di kalangan orang kaya sahaja, sementara orang miskin tidak mampu mendapatkan barangan tersebut.

- c. Hendaklah perbuatan *ih*tikar itu berlaku sewaktu orang ramai begitu berhajat kepada barangan yang di*ih*tikarkan.

Jelasnya kegiatan *ih*tikar yang diharamkan merupakan suatu jenayah terhadap kemanusiaan yang mesti diperangi dan dicegah pengamalannya. Institusi *hisbah* memainkan peranan dalam mengawasi pembanterasan kegiatan *ih*tikar ini daripada merebak dan seterusnya membahayakan negara Islam. Antara langkah yang diambil *muhtasib* untuk mengawal kegiatan *ih*tikar ialah:

- a. Langkah pengawalan
Berfungsi mengawal dan mencegah perkara-perkara yang boleh membawa kepada perbuatan *ih*tikar. Contohnya kawalan yang dilakukan terhadap kegiatan *talaqqi al-jalab/al-rukban* dan *bai al-hadir li al-badi*.
- b. Langkah pembasmian
Berfungsi mengawal dan mencegah *ih*tikar yang telah terjadi. Dalam langkah pembasmian ini *muhtasib* boleh mengenakan takzir kepada *muhtakir*, melarangnya daripada menguruskan harta dan melaksanakan penetapan harga (*tas'ir*).

Muhtasib juga boleh memaksa *muhtakir* menjual barangan yang di*ih*tikarkannya dengan harga pasaran kepada orang ramai yang memerlukan. Contohnya, *muhtasib* berhak memaksa sesiapa yang mempunyai simpanan makanan yang berlebihan supaya menjualnya kepada orang ramai ketika berlaku kebuluran atau bencana. Begitu juga ketika berlaku peperangan, *muhtasib* boleh memaksa penjual senjata menjualnya dengan harga pasaran.

V. Mengawal penetapan harga (*tas'ir*)

Tas'ir bermaksud menyalakan api dan menentukan harga. Dari segi istilah pula *tas'ir* ialah perintah yang dikeluarkan oleh sultan atau

penggantinya atau orang yang dilantik untuk menjaga urusan umat Islam terhadap para peniaga supaya menjual barangan mereka dengan suatu harga yang ditetapkan. Mereka dilarang menambah atau mengurangkan harga tersebut demi kemaslahatan.

Para fuqaha telah membahagikan keharusan perbuatan *tas'ir* ini berbeza secara umumnya kepada dua pendapat:

Pertama: *Jumhur* ulama berpendapat tidak harus melakukan *tas'ir* kerana peniaga pada masa itu boleh disamakan dengan orang yang dipaksa dan urus niaga secara paksaan ini ditegah oleh Islam⁵⁶.

Kedua: Sesetengah fuqaha Malikiyyah, Shafi'iyah, Zaidiyyah, golongan muta'akhirin daripada Hanafiyyah, Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim berpendapat *tas'ir* harus dilakukan ketika berhajat kepadanya dengan syarat penetapan harga yang dibuat itu adalah adil kepada semua pihak.⁵⁷

Kedua-dua pendapat mempunyai hujah dan dalil masing-masing. Walau bagaimanapun, penulis lebih cenderung kepada pendapat yang mengharuskan *tas'ir*. Ini kerana mereka juga sebenarnya tidak membenarkan amalan *tas'ir* ini kecuali dalam keadaan berhajat dan memerlukan penyelesaian terakhir melalui cara *tas'ir*. Mereka juga menyokong pendapat *jumhur* dalam kes-kes tertentu seperti kenaikan harga yang tinggi. Oleh sebab *ihthikar* memudaratkan orang ramai maka pelaksanaan *tas'ir* hendaklah diharuskan.

Ibn Qayyim⁵⁸ ketika membincangkan permasalahan *tas'ir* telah memberikan ulasan yang menarik. Beliau telah membahagikan *tas'ir* kepada dua jenis iaitu:

- a. *Tas'ir* yang zalim dan diharamkan.

Tindakan memaksa para peniaga menjual barangannya dengan harga yang tidak dipersetujuinya dalam keadaan pasaran yang normal atau mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara yang diharuskan oleh Allah SWT dalam perniagaan.

- b. *Tas'ir* yang adil dan diharuskan bahkan kadang-kadang menjadi wajib.

Tas'ir yang bertujuan menjamin keadilan sesama manusia seperti memaksa peniaga menjual dengan satu harga tertentu

yang ditetapkan apabila keadaan pasaran tidak normal dan menegah mereka dari mengaut keuntungan berlebihan.

Institusi *hisbah* selaku pihak yang bertanggungjawab dalam mengawasi aktiviti di pasar hendaklah meneliti setiap masa sama ada pelaksanaan *tas'ir* ini perlu dan sesuai dilakukan. Sekiranya terdapat krisis yang jelas memerlukan penyelesaian melalui *tas'ir* maka *muhtasib* boleh memerintahkan *tas'ir* ini dijalankan dengan mengambil kira perkara berikut⁵⁹:

- a. Penetapan harga tersebut hendaklah diputuskan dalam satu jawatankuasa khas yang dianggotai oleh pengeluar atau peniaga. Satu pihak lagi dianggotai oleh golongan pembeli atau pengguna. Perkara ini penting untuk kemaslahatan dan kepentingan bersama.
- b. Hendaklah dipastikan juga penetapan harga tersebut masih lagi menguntungkan pengeluar atau peniaga. Dengan ini dapat menjamin pengeluaran produk yang berterusan.
- c. Hendaklah dipastikan juga penetapan harga itu tidak membebankan pembeli atau pengguna.

Selain itu, *muhtasib* juga hendaklah sentiasa meninjau dan mengawasi pasaran untuk memastikan harga yang ditetapkan dipatuhi oleh para peniaga. Sekiranya ada peniaga yang menyalahi peraturan tersebut maka *muhtasib* boleh mengenakan hukuman yang setimpal.⁶⁰

Penutup

Demikianlah beberapa peranan yang dimainkan oleh institusi *hisbah* pada zaman kegemilangannya telah mampu mendedahkan berbagai-bagai bentuk penipuan, penyelewengan, pengeksploitasian dan pemalsuan yang berlaku dalam sektor ekonomi di negara Islam dan seterusnya menghapuskan kezaliman dan penindasan. Peranannya bukan setakat mengawasi kesalahan luaran semata-mata bahkan melampaui kesalahan-kesalahan lain yang berkait dengan aspek spiritual, akhlak, dan moral penduduk.

Dalam konteks negara kita, peranan institusi *hisbah* dimainkan oleh banyak agensi kerajaan. Contohnya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam pemeriksaan premis makanan dan barangan pengguna serta pengesahan sijil halal. KPDNKK juga bertanggungjawab dalam soal penentuan dan kawalan harga barangan pengguna, peraturan timbangan dan sukatan dan pelesenan perniagaan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula menguatkuasakan peraturan-peraturan perniagaan dalam memastikan setiap premis dilesenkan, bersih dan tidak mengganggu orang awam. Kementerian Kewangan melalui agensi-agensi di bawahnya pula mengawasi perjalanan syarikat-syarikat korporat, penyenaian saham dan menggalakkan pertumbuhan perbankan Islam yang bebas riba serta seumpamanya.

Institusi *hisbah* ini berkembang selari dengan perubahan zaman. Ia merupakan prinsip sejagat dan boleh diterima pakai pada semua peringkat kehidupan di bawah kategori *siyasah syar'iyah*. Sehubungan itu, pelaksanaannya boleh diubahsuai dan dikemas kini mengikut kesesuaian zaman.

Justeru sewajarnya amalan-amalan positif yang pernah dipraktikkan dalam institusi *hisbah* diserlahkan kembali oleh para ilmuwan Islam untuk dijadikan pedoman dan panduan dalam membangunkan satu sistem ekonomi Islam yang benar-benar mantap dan mampan.

Nota Hujung

1. Al-Mubarak (1970), Al-Mubarak, Muhammad bin Abd al-Qadir. (1970), *Ara Ibn Taymiyyah fi al-dawlah wa mada tadakhulluha fi majal al-Iqtisadi*. Bayrut: Dar al-Fikr, hlm 73-74.
2. *Sunan al-Tirmizi*, Bayrut: Dar al-Fikr, Juzu' 2, hlm 389.
3. *Nizam al-hisbah fi al-Iraq hatta asr al-Ma'mun*. Jiddah, Tihama, hlm 44.
4. Mushrifah (1939), *Al-Qada' fi al-Islam*. t.tp. Matba'ah al-I'timad., hlm 87-188.
5. Abul Khair (1991), *The role of government in Islamic economy*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen. hlm 109.
6. Ibid: 110.
7. Mahmud Saedon (1996), *Institusi pentadbiran undang-undang dan kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 196.
8. Mohd Parid Sheikh Ahmad & Mohd Azmi Omar (1991), *Al-Hisbah dalam ekonomi Islam* (dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abod, Zambry Abdul Kadir (pnvt.), *Pengurusan Perniagaan Islam*) Shah Alam: Hizbi, hlm 436.
9. Ibid, 394-397
10. Ibid, 400-409.
11. Ibid, 397-399.
12. Ibid, 409-410.
13. Ibid, 399-400.
14. Ibid, 411-413.
15. Ibn al-Ikhwah (1937), *Maalim al-qurbah fi ahkam al-hisbah*. Cambridge: Dar al-Funun, hlm 3.
16. Ibn Bassam, (1968), *Nihayah al-rutbah fi talab al-hisbah*. Baghdad: Matbaah al-Maarif, hlm 5.
17. Ibn al-Munassif (1988), *Tanbih al-hukkam ala maakhiz ak-Ahkam*. Tunis: Dar al-Turki li al-Nashr, hlm 332.
18. Ibid, 338.
19. Ibn Bassam (1968), *Nihayah al-rutbah fi talab al-hisbah*. Baghdad: Matbaah al-Maarif, hlm 19.

20. Ibn al-Ikhwah (1937), *Maalim al-qurbah fi ahkam al-hisbah*. Cambridge: Dar al-Funun, hlm 78.
21. Auni Hj. Abdullah (1996), *Hisbah dan pengurusan moden*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, hlm 147.
22. Ibn al-Ikhwah (1937), *Maalim al-qurbah fi ahkam al-hisbah*. Cambridge: Dar al-Funun, hlm 106.
23. al-Maraghi, t.th: *al-Hisbah fi al-Islam*. Misr: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shuraka'uh, hlm 29.
24. Mustain Ali (1986), *al-Suq wa tanzimatuh fi al-iqtisad al-Islami*. Al-Khurtum: Dar al-Sudaniyyah li al-Kutub, hlm 239.
25. al-Husayni (1964), *Nizam al-hisbah fi al-Islam (dalam Mu'tamar al-Awwal li Mujamma' al-Buhuth al-Islami, al-Azhar)*, hlm 338.
26. al-Qaradhawi (1993), *al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Cet. 21. al-Qahirah: Maktabah Wahbah, hlm 242.
27. Al-Bukhari (1993), *Sahih al-Bukhari* (dalam al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar, Fath al-bari bi sharh sahih al-Bukhari). Bayrut: Dar al-Fikr. Juzu'5, hlm 176.
28. Ibn al-Ikhwah (1937), *Maalim al-qurbah fi ahkam al-hisbah*. Cambridge: Dar al-Funun, hlm 32-35.
29. Al-Tirmizi (1980), *Sunan al-Tirmizi*, Bayrut: Dar al-Fikr, Juzu' 2, hlm 341.
30. Al-Bukhari (1993), *Sahih al-Bukhari* (dalam al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar, Fath al-bari bi sharh sahih al-Bukhari). Bayrut: Dar al-Fikr, Juzu 5:89
31. Inayah (1992), *Dawabit tanzim al-iqtisad fi al-suq al-Islami*. Bayrut: Dar al-Nafa'is, hlm 32.
32. Marathan (1986), *Madkhal li al-fikr al-iqtisadi fi al-Islam*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, hlm 127.
33. Basyuni (1988), *al-Hurriyyah al-iqtisadiyyah fi al-Islam wa atharuha fi al-tanmiyah*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa', hlm 626-627.
34. Ibid, 629.
35. Al-Quran al-Karim: al-Rahman 55:9

36. Al-Quran al-Karim: al-Mutaffifin 83:1-6
37. Ma'tuq (1982), *Nizam al-hisbah fi al-Iraq hatta asr al-Ma'mun*. Jiddah: Tihama, hlm 127.
38. Abdul Hasib Ridwan (1990), *Dirasat fi al-hisbah min al-nahiyatain: al-tarikhiyyah wa al-fiqhiyyah*. al-Qahirah: Matbaah al-Islamiyyah al-Hadithah., hlm 97-98.
39. Al-Basha (1992), *al-Kafi*. Bayrut: Sharikah al-Matbuah li al-Tawzi' wa al-Nashr. hlm 475.
40. Mustafa Hj Daud (1994), *Perniagaan menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, hlm 67.
41. Al-Quran al-Karim: al-Baqarah 2:275
42. Muslim (1990), *Sahih Muslim* (dalam al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya bin Sharf bin Mari', *Sahih Muslim bi sharh al-nawawi*). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Juzu 11, hlm 26.
43. Siddiqi (1988), *Perusahaan ekonomi dalam Islam*. Terj. Md. Sharit Bharuddin & Akibah Abu Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 55-56.
44. Ibn al-Qayyim t.th: *al-Turuq al-hukmiyyah fi al-siyasah al-shari'yyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm 242.
45. *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah* (1993), al-Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. Juzu 2, hlm 90.
46. Ibid.
47. Muslim (1990), *Sahih Muslim* (dalam al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya bin Sharf bin Mari', *Sahih Muslim bi sharh al-nawawi*). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Juzu 11, hlm 43.
48. Ibn Majah t.th. *Sunan Ibn Majah*. Bayrut: Dar al-Fikr, Juzu 2, hlm 728.
49. al-Masri (1986), *Tijarah fi al-Islam*. Cet. 2. al-Qahirah: Maktabah Wahbah, hlm 47.
50. Al-Kufrawi (1983), *al-Riqabah al-maliyah fi al-Islam*. Al-Iskandariyyah: Mu'assasah al-Shabab al-Jami'ah, hlm 170.
51. Mustain Ali (1986), *al-Suq wa tanzimatuh fi al-iqtisad al-Islami*. Al-Khurtum: Dar al-Sudaniyyah li al-Kutub, hlm 200.

52. *talaqqi al-jalab/al-rukban* ialah tindakan sekumpulan orang yang keluar untuk bertemu pengusaha barangan dan mereka membeli barangan tersebut sebelum pengusaha memasuki bandar dan menetapkan harganya.
53. *bai al-hadir li al-badi* pula ialah tindakan peniaga dari bandar yang menguruskan barangan orang-orang kampung yang dibawa untuk dijual di bandar, mereka kemudiannya menjual dengan harga yang lebih tinggi.
54. Ibn al-Qayyim t.th, *Al-Turuq al-hukmiyyah fi al-siyasah al-shari'yyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm 243.
55. al-Shawkani (1993), *Nayl al-Awtar*. al-Qahirah: Dar al-Hadith. Juzuk 5, hlm 260.
56. Mustain Ali (1986), *Al-Suq wa tanzimatuh fi al-iqtisad al-Islami*. Al-Khurtum: Dar al-Sudaniyyah li al-Kutub, hlm 247.
57. Ibid, 248.
58. Ibn Qayyim t.th, *Al-Turuq al-hukmiyyah fi al-siyasah al-shari'yyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm 244.
59. Mustain Ali (1986), *Al-Suq wa tanzimatuh fi al-iqtisad al-Islami*. Al-Khurtum: Dar al-Sudaniyyah li al-Kutub, hlm 256-257.
60. Marathan (1986), *Madkhal li al-fikr al-iqtisadi fi al-Islam*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, hlm 137.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdullah bin Muhammad Basmih. (1992). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Cet. 12. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abul Khair Mohd Jalaluddin. (1991). *The role of government in Islamic economy*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- Auni Haji Abdullah. (1996). *Hisbah dan pengurusan moden*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Abd al-Hamid, Mustain Ali. (1986). *al-Suq wa tanzimatuh fi al-iqtisad al-Islami*. Al-Khurtum: Dar al-Sudaniyyah li al-Kutub.

- Al-Basha, Muhammad. (1992). *al-Kafi*. Bayrut: Sharikah al-Matbuah li al-Tawzi' wa al-Nashr.
- Basyuni, Dr. Said Abu al-Futuh Muhammad. (1988), *al-Hurriyyah al-iqtisadiyyah fi al-Islam wa atharuha fi al-tanmiyah*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail. (1993). *Sahih al-Bukhari* (dalam al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar, *Fath al-bari bi sharh sahih al-Bukhari*). 17 jil. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Husayni, Ishaq Musa. Mac. (1964), *Nizam al-hisbah fi al-Islam* (dalam Mu'tamar al-Awwal li Mujamma' al-Buhuth al-Islami, al-Azhar).
- Ibn Bassam, Muhammad bin Muhammad bin Bassam al-Muhtasib. (1968). *Nihayah al-rutbah fi talab al-hisbah*. Baghdad: Matbaah al-Ma'arif.
- Ibn al-Ikwh, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad. (1937). *Maalim al-qurbah fi ahkam al-hisbah*. Cambridge: Dar al-Funun.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. t.th. *Sunan Ibn Majah*. 2 jld. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Munassif, Muhammad bin Isa. (1988), *Tanbih al-hukkam ala maakhiz ak-Ahkam*. Tunis: Dar al-Turki li al-Nashr
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1997). Shams al-Din Muhammad bin Abi Bakr. t.th. *al-Turuq al-hukmiyyah fi al-siyasah al-shari'yyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Inayah, Dr. Ghazi. (1992). *Dawabit tanzim al-iqtisad fi al-suq al-Islami*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Al-Kufrawi, Dr. Awf Mahmud. (1983). *al-Riqabah al-maliyah fi al-Islam*. Al-Iskandariyyah: Mu'assasah al-Shabab al-Jami'ah.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1996). *Institusi pentadbiran undang-undang dan kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matuq, Rashad Abbas. (1982). *Nizam al-hisbah fi al-Iraq hatta asr al-Ma'mun*. Jiddah: Tihama.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. t.th. *al-Hisbah fi al-Islam*. Misr: Matba'ah Isa al-Babi al-Halabi wa Shuraka'uh.
- Marathan, Dr. Said Saad. (1986). *Madkhal li al-fikr al-iqtisadi fi al-Islam*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.

- Al-Masri, Abd al-Sami. (1986). *al-Tijarah fi al-Islam*. Cet. 2. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hassan Ali Bin Muhammad bin Habib. (1990). *Al-Ahkam al-sultaniyyah wa al-wilayah al-diniyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Al-Mawsu'ah al-fiqhiyyah*. (1993). Cet. 4. 36 jld. al-Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Mohd. Parid Sheikh Ahmad & Mohd. Azmi Omar. (1991). *Al-Hisbah dalam ekonomi Islam* (dalam Sheikh Ghazali Sheik Abod, Zambry Abdul Kadir (pnyt.), *Pengurusan Perniagaan Islam*) Shah Alam: Hizbi.
- Al-Mubarak, Muhammad bin Abd al-Qadir. (1970). *Ara Ibn Taymiyyah fi al-dawlah wa mada tadakhulluha fi majal al-Iqtisadi*. Bayrut: Dar al-Fikr, hlm 73-74.
- Mushrifah, Attiyah Mustafa. (1939). *Al-Qada' fi al-Islam*. t.tp. Matba'ah al-Itimad.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin Hajjaj. (1990). *Sahih Muslim* (dalam al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya bin Sharf bin Mari', *Sahih Muslim bi sharh al-nawawi*). 10 jld. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Perniagaan menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Al-Qaradawi, Dr. Yusuf. (1993). *Al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Cet. 21. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Ridwan, Dr. Abd al-Hasib. (1990). *Dirasat fi al-hisbah min al-nahiyatain: al-tarikhiiyyah wa al-fiqhiyyah*. al-Qahirah: Matbaah al-Islamiyyah al-Hadithah.
- Al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (1993). *Nayl al-awtar*. 5 jld. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (1988). *Perusahaan ekonomi dalam Islam*. Terj. Md. Sharit Bharuddin & Akibah Abu Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa. (1980). *Sunan al-Tirmizi*. 5 jld. Bayrut: Dar al-Fikr.

Operational Issues and Shariah Harmonisation Towards the Development of Corporate Takaful Business: Conventional Debt Financing and Reinsurance Mechanism

**MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
NOR INAYAH BINTI YAA'KUB
NIK MUTASIM BIN NIK AB. RAHMAN**

Abstrak

Objektif kertas ini adalah untuk membincangkan harmonisasi beberapa isu-isu syariah dan operasi dalam pembangunan perniagaan korporat takaful khususnya terhadap dua isu iaitu pembiayaan pinjaman konvensional dan mekanisme reinsurans. Kebanyakan aset atau harta bagi pelanggan-pelanggan korporat takaful menggunakan pinjaman sistem perbankan konvensional. Walau bagaimanapun, mereka ingin beralih kepada produk takaful dan retakaful yang patuh syariah sebagai mekanisme perlindungan bagi melindungi aset-aset yang rosak atau hilang akibat bencana. Takaful sebagai skim insurans Islam hanya akan lengkap melalui retakaful. Realitinya, dalam sesetengah keadaan, reinsurans secara konvensional perlu digunakan dalam takaful berikutan keupayaan kewangan yang terhad pihak syarikat takaful. Oleh itu, perbincangan dalam kertas ini akan menjurus kepada pengaplikasian prinsip-prinsip fiqh dalam pembiayaan hutang konvensional dan mekanisme reinsurans untuk pembangunan perniagaan korporat takaful.

Abstract

The objective of this paper is to discuss the harmonisation of some operational and shariah issues towards the development of corporate takaful business particularly on two issues which are conventional debt financing and reinsurance mechanism. Most of the assets or properties of the corporate customers have been leveraged using conventional debt/banking system, however the corporate customers want takaful as a tool of insurance to cover their properties following loss or damage due to any disaster. Besides that, Takaful as an Islamic insurance programme cannot be developed without practicing retakaful mechanism, however to some extent reinsurance (conventional) should be used in takaful due to takaful's constraint on financial capacity. Thus, this paper discusses on how and rationale, the principles of fiqh (al-qawaid al-fiqhiyyah) have been applied in this two cases for the development of corporate takaful business.

Introduction

The word *takaful* is derived from the Arabic word *kafala* which means to guarantee, look after or trust. The noun *takaful* is derived from the verb *takafala* which can be literally translated as “helping one another” or “looking after one another”. Section 2 of the *Takaful Act 1984* of Malaysia defines *takaful* as a scheme that is based on brotherhood, solidarity and mutual assistance which provides for mutual financial aid and assistance to the participants in case of need whereby the participants mutually agree to contribute for that purpose. *Takaful* is also defined as a Shariah compliant insurance. It is also clearly mentioned in Section 2 of the *Takaful Act 1984* that *takaful* business is a business of *takaful* whose aims and operations do not involve any element which is not approved by the Shariah.

Mohammad Daud Bakar (2002) asserts that *takaful* differs from conventional insurance in the sense that the company is not the ‘insurer’ insuring the participants. The persons participating in the scheme mutually insure one another and this is the very essence of the

word *takaful* in Arabic. It means that *takaful* is a scheme or a social programme for the collection of funds for the aid of participants for future contingencies.

Position of conventional insurance in Islam

The central arguments among the Shariah scholars on the position of conventional insurance in Islam revolve around three major issues. First, the contract between the insurer (insurance company) and the insured (policy holder) contains some degree of the unknown. This is termed as *gharar*. Second, the investment made by the insurance companies involves the element of *riba*. Third, the excessive element of *gharar* can lead to the issue of *maysir* (gambling). Consequently, the majority of the juristic scholars come to the agreement that the practices of conventional insurance are not in line with the Shariah and are therefore, not permitted in Islam, unless these major elements could be eliminated.

Thus, it is clear to conclude that *takaful* is very much needed especially for Muslims due to these non-permissible elements present in conventional insurance.

In Malaysia, a fatwa was made by the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia, at its meeting on 15 June 1972 which discussed and deliberated on the issue of life insurance. It was resolved that life insurance provided by conventional insurance companies is a business transaction which is not valid because it contradicts the Islamic business principles because the contract contains the elements of *gharar*, *maysir* and *riba*. A similar fatwa on the same issues was issued by several states of Malaysia, for example, Selangor (1970), Negeri Sembilan (1972), Perak (1974), Kelantan (1975) and Malacca (1980).

Unlawful elements of conventional insurance

It was mentioned earlier that the practices of conventional insurance do not conform to the requirements of Shariah because of the three elements that exist in the contract as well as in the insurance business, namely *gharar*, *maysir* and *riba*.

***Gharar* (uncertainty)**

According to Shariah scholars, the business of conventional insurance is based on a buy and sell contract that does not fulfil the characteristics of a buy and sell contract according to Islam. A buy and sell contract, according to Islamic principles, has three features or characteristics, namely:

- a. Parties to the contract, *'aqid* (buyer and seller),
- b. Subject matter to the contract, *ma'qud alaih* (goods or services), and
- c. Offer and acceptance, *sighah*.

The arguments on the issue of *gharar* in the context of conventional insurance arise in the contract between the policy holder (the insured) and the insurance company (the insurer). In this contract, the insured pays a certain amount of premium in the expectation of gaining compensation for losses in the event that any accident occurs involving the loss of life or property. This is a kind of contract of exchange of goods or property which involves *ma'qud 'alaih* (object, service or payment), whereby one of the conditions of *ma'qud alaih* found in the principle of *'aqad* is clarity of the object. In actual fact, in conventional insurance there are elements of *gharar* in *ma'qud 'alaih* that can lead to cheating or injustice because:

- i. It is not certain whether the policy holder may or may not get any benefits for the premiums that he/she pays. The payment of the compensation depends on the outcome (death within the term in the case of life insurance and occurrence of an accident in the general insurance), which may not happen;
- ii. The amount that the policy holder will get in terms of benefits is also unknown. The amount that he/she will receive may vary from zero to the maximum amount as determined by the insurance company; and
- iii. The time frame in which a risk will occur and when the compensation will be paid to the policy holders is unknown. In Islamic commercial law involving an exchange contract as sales

and purchase agreement, the period involved must be known in order for goods to be delivered.

Mohammad Hashim Kamali (2000) classifies *gharar* into three categories: (a) Excessive *gharar* (*al-gharar al-kathir*); this would render the contract invalid, (b) trifling *gharar* (*al-gharar al-yasir*); this is tolerated and permissible, (c) average *gharar* (*al-gharar al-mutawassit*) which falls between the two. Based on the above arguments, the insurance contract that exists at present is found to contain an excessive element of *gharar* (*al-gharar al-kathir*). As such, *‘ulama* have reached the consensus that the conventional insurance practice is *haram* and invalid. This is based on the Hadith of Prophet SAW which prohibited Muslims from engaging in any kind of transactions involving *gharar*.

“Verily, the Prophet s.a.w forbids trades involving gharar”

(Hadith narated by Muslim)

Maysir (gambling)

The existence of *al-gharar* in the contract of insurance as explained above has led to the existence of *al-maysir* in the contract. The majority of *‘ulama* have the opinion that there is a certain element of gambling or speculation in an insurance contract. In gambling, a certain stake is paid for a certain unknown outcome. That is also similar in an insurance contract where the compensation is linked to a certain unknown outcome. It is a contract of exchange and with an element of *gharar*, therefore, it is assumed to be speculative or gambling in nature.

Riba (Interest)

The insurance contract is a *riba* contract since the insurance contract is an exchange contract between premium and compensation in an unequal exchange of value. The premium paid by the policy holder is much lower than the compensation paid by the insurer. This is a *riba* contract based on the hadith of the Prophet SAW.

The concept of *takaful* and *tabarru'*

Ulama' have agreed that the basis of insurance contract which is an exchange contract (buy and sell) must be changed to another type of contract in order to eliminate the above three objectionable elements. Thus, the Islamic concepts that can replace the concept of conventional insurance are based on those of cooperation, protection and mutual responsibility (Kamaruddin Shariff, 1998). These concepts have their basis in the Quran and the *Sunnah*. Allah says to the effect:

"Help you one another in righteousness and piety but help not one another in sin and rancor".

(Al-Quran, 5:2)

In order to eliminate the elements of uncertainty (*gharar*), interest (*riba*) and gambling (*maysir*) in the operation of conventional insurance and hence to make it lawful in Islam, the concept of *tabarru'* (donation) is incorporated in it.

In this case, a participant agrees to contribute as *tabarru'*, a certain proportion or all of his/her *takaful* contributions that he/she agrees or undertakes to pay thus enabling him to fulfill his obligation of mutual help and joint guarantee should any of his fellow participants suffer a defined loss (Mohd Fadzli Yusof, 1996). *Tabarru'* would enable the participants to perform their deeds in sincerely assisting fellow participants who might suffer a loss or damage due to a catastrophe or disaster. The effect of *tabarru'* changes the basis of the insurance contract from an exchange contract to a charitable (donation) contract in *takaful*. When a contract is charitable (*tabarru'at*), the unknown (*gharar*) is tolerated. The donation contract is, in fact, by nature unknown. For instance, all participants do not know when and how they will suffer from loss of life and loss or damage to their property due to pure risks. What they can do is to contribute money among themselves to help each other in the event of loss. This is totally different from the contract of conventional insurance that is based on buying and selling protection (subject matter). The contributions (premium) contributed by participants are for the purpose of mutual indemnity and assistance amongst the members. Thus, the

tabarru' element removes the objectionable features in conventional insurance and makes it Shariah compliant.

Models of general *takaful* business in Malaysia

An Islamic insurance company (*takaful* operator) transacts business in accordance with and subject to the principle of the Shariah. All the functions of conventional insurance companies, i.e. underwriting, claims, reinsurance, marketing, investment, company management, etc. of the Islamic insurance company should fully conform to the Islamic Shariah Code. The basic products of *takaful* are still the same as those of conventional insurance business but must fulfil the rules and requirements of the Shariah. Products under general *takaful* business are short-term in nature, usually for a period of one year and may be renewed. These schemes are meant to provide cover against material loss or damage to assets such as buildings, houses, motor vehicles, stocks and other related interests.

The contract of *takaful* in Malaysia as practiced in *takaful* industry is a combination of the *tabarru'* contract (donation) and either profit sharing contract (*al-mudharabah*) or agency (*al-wakalah*).

Al-mudharabah model for general *takaful*

By this principle, the entrepreneur or al-mudharib (*takaful* operator) will accept payment of *takaful* contributions (premiums) termed as ra'sulmal (capital) from *takaful* participants termed as sahibulmal or rabbulmal (capital providers). The contract specifies how the profit from the operations of *takaful* managed by the *takaful* operator is to be shared in accordance with the principle of al-mudharabah, between the participants as the providers of capital and the *takaful* operator as the entrepreneur. The sharing of such profit may be in a ratio 50:50, 60:40, 70:30, etc. as mutually agreed between the contracting parties.




Figure 1: Al-Mudharabah Model for General *Takaful*.

Source: Bank Negara Malaysia, Annual Report 2005

Figure 1 shows the modus operandi of al-mudharabah model for general *takaful*. The participants pay a contribution as a donation (tabarru') to help each other and the contribution will be put into the General *Takaful* Fund (GTF). Excess in the GTF after deducting general and administrative expenses in managing the operations will be invested and the investment income will be ploughed back into the fund. Surplus at the end of the year after deducting claims (depending upon the occurrence of actual losses and damages), *retakaful* (Islamic reinsurance) and reserves will be distributed to the *takaful* operator and the participants based on the pre agreed ratio as stipulated in the contract.

Al-wakalah model for general *takaful*

The wakalah concept is essentially an agent-principal relationship, where the *takaful* operator acts as an agent on behalf of the participants and earns a fee (wakalah fee) for services rendered. The fee can be a fixed amount or based on an agreed ratio of investment profit or surplus of the *takaful* funds.




Figure 2: Al-Wakalah Model for General *Takaful*

Source: Bank Negara Annual Report 2005

Figure 2 shows the modus operandi of al-wakalah model for general *takaful*. The participants pay a contribution as a donation (tabarru') to help each other and the contribution will be divided into two types of accounts i.e. Wakalah Fee (WF) and General *Takaful* Fund (GTF). The allocation between WF and GTF is based on the pre-agreed ratio between participant and *takaful* operator as specified in the contract. The WF, which consists of commission and management expenses, will be paid into the shareholders' fund. Any surplus at the end of the year after deducting claims, *retakaful* and reserves will be distributed to the *takaful* operator and participants based on the pre-agreed ratio as stipulated in the contract.

Corporate *takaful* business and principles of fiqh (al-qawa'id al-fiqhiyyah)

In this section, two issues pertaining to corporate *takaful* business are further discussed. The first is Islamic reinsurance which is known as *retakaful* and the second is *takaful* coverage for asset financing using the conventional loan system. This section is very important since it is related to the study of how *takaful* can provide products and services to corporate clients despite insufficient financial capacity to provide amount of coverage and Islamic financing products offered by Islamic banking still being at the development stage whereby most corporate customers use conventional loans to finance their assets.

Retakaful

It is important to highlight that *takaful* services cannot move forward without the concept of reinsurance due to financial capacity limiting its coverage to the policy holders or participants. For example, if let's say there are 100 corporate *takaful* participants of fire *takaful* (under general *takaful* schemes) with one particular *takaful* operator. The total value of their property being covered (sum covered) is $100 \text{ properties} \times \text{RM5,000,000 each} = \text{RM500 million}$. The total contribution (premium) which was collected from the risks is $\text{RM500 million} \times 10\% = \text{RM50 million}$. This means that the *takaful* operator is willing to pay claims due

to any defined loss and damages up to 10 properties only. That is one of the reasons for *takaful* services needing to have the *retakaful* arrangement i.e. to expand its coverage and sharing of risk among *takaful* operators.

After collecting the contributions (premiums), the efforts are then focused on ensuring the prudent management of the *takaful* fund, including the use of *retakaful*. *Retakaful* is one of the risk management tools used by *takaful* operators to share part of the risk under the *takaful* fund with another *takaful* operator or *retakaful* company. The amount of risk retained by the *takaful* operator for its own account is called the retention limit. Mohammed Obaidullah (2005) defines *retakaful* as a second arrangement between a *takaful* operator and a larger operator as the former may not have the capacity to absorb all possible losses out of its own resources, given the large sums that are insured. Fathi Lashin, a member of the Shariah Supervisory Board of the Dubai Islamic Bank stated that *Retakaful* does not, in principle, differ from *takaful* operations. The shariah principles applying to *takaful* apply to *retakaful* operations as well. The difference, if any, is that in the *retakaful* operations, the participants are *takaful* operators instead of individual participants. It is argued that the current practice of insurance business has shown that a *takaful* ceding company cannot do without the *retakaful* facility. Therefore, there is a need for *takaful* operators to split risks by way of establishing *retakaful* operators. In doing so, they share their risks with *retakaful* companies. The *retakaful* operator, on the other hand, assumes the responsibility of managing and investing the premiums of *takaful* operators on the basis of profit loss sharing.

Figure 3 overleaf shows the operational mechanism of *takaful* and *retakaful* where a part of the risk is shared between the *takaful* operator and the *retakaful* operator.




Figure 3: Mechanism of Retakaful

However, there are very few *retakaful* companies in operation; with growing numbers of *takaful* companies the existing *retakaful* capacity is not sufficient to meet the demand. The only route available left for *takaful* companies is to reinsure on a conventional basis, contrary to the customer's preference of seeking cover based on Islamic principles. Shariah scholars have allowed *takaful* operators to reinsure on a conventional basis so long as there is no *retakaful* alternative available. If there is a need to turn to the conventional reinsurance market, then the *takaful* operator should first try to obtain coverage from the cooperative and mutual insurance sector. *Takaful* reinsurance or *retakaful* requires clearly defined joint responsibility which means that it is likely to be arranged under quota share or surplus treaties.

In this case, the Shariah Advisory Council of Syarikat *Takaful* Malaysia has found with a solution by applying the principle of *fiqh* as stated below:

الضرورات تبيح المحظورات


"Necessity renders prohibited things permissible".

However, the necessity must be limited and the following principle is applied in the arrangement of *retakaful* using conventional insurance:

الضرورات تقدر بقدرها

"Necessity is determined by the extent thereof".

Thus, the arrangement of *retakaful* must be given and according to the priority of *retakaful* operators and followed by the conventional insurers in the final stage of *retakaful* arrangement. Figure 4.



Assets financing/loan from the conventional banking system

Another issue concerning the corporate *takaful* business is the corporate demand for *takaful* coverage from the corporate sector for which their assets financing or loans derive from the conventional or interest-based banking system. Banks have required their debtors to buy property insurance policies to cover the assets being financed by them irrespective of whether in Islamic or conventional insurance system. Thus, *takaful* operators should have concrete reasons for accepting or rejecting this type of risk which is financed by conventional banking. There is no issue about the risk accepted by the *takaful* operators on assets being financed by Islamic banks or Islamic banking system. According to the Shariah Advisory Council of Syarikat *Takaful* Malaysia, it is permissible for the *takaful* to accept the risk being financed by conventional banking since the coverage provided is not for the loan but for the mutual indemnity of the assets owned by the participant i.e. in this case, the debtor of the bank. This decision is according to the following principle of fiqh:

الأمر إذا ضاق اتسع

“Latitude should be afforded in the case of difficulty”. In other words, when a matter is narrow, it is made wider. There are several reasons

for permitting this risk based on the above practical fiqh principle:

- a. To prevent Muslims being involved in the conventional insurance contracts.
- b. To minimize non-Muslim business activity.
- c. Islamic banking is still at its infancy or development stage.

Conclusion

The purpose of introducing *takaful* is to ensure that the operation of insurance is totally free from the three objectionable elements in conventional insurance i.e. gharar (uncertainty), maysir (gambling) and riba (interest). In order to achieve this purpose, a contract of tabarru' is incorporated. Currently, there are two types of model for *takaful* business either based on the principle of al-mudharabah or the principle of al-wakalah. Two issues pertaining to corporate *takaful* business are further discussed. The first is Islamic reinsurance which is known as *retakaful* and the second is *takaful* coverage for asset financing using the conventional loan system. It is very important since it is related to the study of how *takaful* can provide products and services to corporate clients despite insufficient financial capacity to provide amount of coverage and Islamic financing products offered by Islamic banking still being at the development stage whereby most corporate customers use conventional loans to finance their assets. It shows that *takaful* business can be expanded and developed through the harmonization of operational and shariah issues through the application of the principles of fiqh with specific justifications.

End Notes

1. Mohammad Daud Bakar, "The Problem of Risk and Insurable Interest in *Takaful*: A Jurisprudential Analysis"; A paper presented at the 4th International Conference on Islamic Economics and Banking, Loughborough University, UK, August 13-15, 2000. pp 179-193.
2. Bank Negara Malaysia, 20 years Experience of Malaysian *Takaful* Industry (2005) p. 2.
3. The insurance contract is categorized as a *riba al buyu'*: the *riba* in excess which occurs in trading transactions involving the exchange of *riba* bearing commodities without observing the required rules. Two types of *riba al buyu'*, namely *riba al-fadhl* and *riba al-nasiah*.
4. Hadith narrated by Muslim, Al-Timidhi and Al-Nasa'I, "Gold for gold, silver for silver, wheat for wheat, barley for barley, dates for dates, salt for salt – like for like, equal for equal, hand to hand (spot); if the commodities differ, then you may sell as you wish, provided that the exchange is hand to hand or spot transaction"
5. Assoc. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali in "*Shari'ah Principles in Takaful*", presented at the workshop on *Takaful* (Islamic Insurance), 16-17 August 2005 at Istana Hotel, Kuala Lumpur.
6. Mohd Fadzli Yusof (1996), Introduction to *takaful* p. 51.
7. Lashin, Fathi, "Sigha Muqaddama li-al-Sharikat Ta'min wa l'adat al-Ta'min fi al-Islam", Bayt al-Tamwil al Kuwaiti. '*Amal al-Nadwa al-fiqhiyya al-Thaniya*', 28-31 May, pp. 95-122. Quoted from Mohammed Burhan Arbouna, "The Operation of *Retakaful* (Islamic Reinsurance) Protection", Journal IIUM, p.336

References

- Al-Habshi, S. Othman. (1997). “*Takaful*: a suitable alternative for contemporary economy”, a paper presented at Labuan International Summit on *Takaful* (Islamic Insurance) held at Hotel Sheraton, Labuan, 19-20 June.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali. (2005) ‘Shariah Principles in *Takaful*’, a presented at workshop on *takaful* (Islamic Insurance), 16-17 August 2005 at Istana Hotel, K. Lumpur.
- Bank Negara Malaysia. (2001). *The Financial Sector Master Plan*.
- Bank Negara Malaysia. (2005). *20 Years Experience of Malaysian Takaful Industry*.
- BIMB Institute of Research & Training. (1996). *Takaful (Islamic insurance), Concept & Operational System From The Practitioner’s Perspective*, First Edition.
- International Association Of Islamic Banks. (1985). *Encyclopedia On The Theory and Practice of Islamic Banking*.
- Kamaruddin Sharif. (2004). “Takaful-Development and Challenges Over 20 years of its Existence in Malaysia” in *Jurnal Pengurusan* Vol. 23, July 2004.
- Kamaruddin Sharif. (1998). “The need of retakaful for *Takaful* Operators”. A paper presented in the *International Workshop on Retakaful for D8 and OIC Member Countries*.
- Mark S. Dorfman. (2002). *Introduction to Risk Management and Insurance*, 7th Edition, Prentice Hall.
- Mohammad Daud Bakar. (2000). *The Problem of Risk and Insurable Interest in Takaful: A Jurisprudential Analysis*. A paper presented at the 4th International Conference on Islamic Economics and Banking, Loughborough University, UK, August 13-15, 2000 179-193.
- Mohammad Daud Bakar. (2000). “The Problem of Risk and Insurable Interest in *Takaful*: A Jurisprudential Analysis”, *The Proceedings of the 4th International Conference on Islamic Economics and Banking*, Loughborough University, UK, August 13-15. pp. 179-193.
- Mohd. Fadzli Yusof. (1996). Brief outline on the concept and operational system of *Takaful* Business (Islamic Insurance)”, in *Takaful* (Islamic Insurance), BIRT.

- Mohd. Fadzli Yusof. (2003). "An Overview of *Takaful* Industry". *Takaful Digest.Com*.
- Mohammad Hashim Kamali. (2000). *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options* (1st edn).. Ilmiah Publication, Petaling Jaya, Malaysia.
- Mohd. Ma'sum Billah. (1997). Islamic Insurance: Its Origin Sketch and Development Scenario. *Journal of Islamic Banking and Finance*, Vol. 14, No. 2, pp: 17-64.
- Mohd. Ma'sum Billah. (1999). *Principle of contract affecting Takaful and insurance – compared*. Part 1, in Arab Law Quarterly, (London).
- Mohd. Ma'sum Billah. (2000). Quantum of Damages in *Takaful*: The Possibilities of Adaptation of the Doctrines of Al-Diyah and Al-Daman: A Reappraisal. *Journal of Islamic Banking and Finance*, Vol. 17, No. 1, pp: 25-52.
- Mohd Ma'sum Billah. (2001) *Principles & Practices of Takaful and Insurance Compared*. IIUM. p. 74.
- Mohd. Ma'sum Billah. (2003). Islamic Insurance (*Takaful*). (1st edn.) Ilmiah Publisher Sd. Bhd.
- Mohammed Obaidullah. (2005). *Islamic Financial Services* (1st edn)., Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.
- Takaful Act 1984*, Bank Negara Malaysia.

Qabd dan Hukum Penarikan Balik Hibah

**NOOR LIZZA BINTI MOHAMED SAID
MOHD RIDZUAN BIN AWANG
AMIR HUSIN BIN MOHD NOR**

Abstrak

Satu fenomena yang berlaku bagi segelintir masyarakat Muslim pada hari ini yang menghibahkan harta mereka kepada orang yang dikasihi namun mensyaratkan harta yang dihibah tidak dipindah milik kepada penerima hibah bagi memudahkan mereka membatalkan pemberian hibah tersebut jika perlu. Justeru, ia menjadi pencetus kepada kajian ini yang objektifnya adalah untuk mengkaji pandangan fuqaha dan hujah-hujah mereka berkaitan dengan keperluan qabd dalam akad hibah, kedudukan akad hibah apabila berlaku kematian salah seorang daripada yang berakad sebelum qabd, hukum penarikan balik hibah sebelum dan selepas qabd dan hukum penarikan balik hibah bapa kepada anaknya. Kajian perpustakaan digunakan dengan mengumpul dan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan yang terdiri daripada buku dan jurnal. Daripada hasil kajian didapati akad hibah sempurna dan berkuat kuasa dengan sempurnanya qabd oleh penerima hibah. Pemberi hibah berhak menarik balik hibahnya sekiranya tidak berlaku qabd kecuali pemberian bapa kepada anak. Oleh itu, qabd merupakan syarat yang sempurna dan berkuat kuasanya hibah dan ia menentukan hak penarikan balik hibah oleh pemberi hibah.

Abstract

It becomes a phenomenon among the Muslim society nowadays gives their wealth and property to the beloved ones but at the same time putting a condition that the ownership of property is not transferred outrightly as a measure to revoke it if needed. This becomes an impetus to carry out the study in which the objective is to analyze Muslim scholars point of view and their reasons concerning the need of qabd (taking possession) in gift contract, the position of gift contract when one of the party dies before qabd, the rule of gift retraction before and after qabd as well as the rule on withdraw of gift from father to child. The study uses library research whereby all relevant documents and data including book and jurnal are gathered and analyzed. The findings of the study show that gift contract is not completed and enforceable without exercising qabd on part of donee. The donor eligibles to withdraw the gift if the qabd is not exercised except the gift from father to child. Thus, qabd is classified as a completed condition and enforced of gift contract as well as to determine the right to withdraw the gift from the donor.

Pendahuluan

Hibah merupakan salah satu instrumen perancangan harta umat Islam yang digalakkan. Ia disyariatkan melalui al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak ulama. Pensyariatannya bukan untuk membelakangi sistem faraid tetapi sebagai pelengkap kepada sistem pengagihan harta dalam Islam. Hibah merupakan pemberian milik harta yang berkuat kuasa ketika hayat pemberi hibah berbanding dengan pembahagian secara faraid yang dilaksanakan selepas kematian pewaris.

Kesedaran umat Islam pada hari ini untuk mengagihkan harta mereka ketika hidup kepada orang yang dikasihi tanpa menunggu pengagihan selepas kematian melalui sistem faraid semakin tinggi. Namun terdapat sebahagian daripada mereka yang ragu-ragu untuk menyerahkan atau memindah milik harta yang dihibahkan kepada penerima hibah secara terus ketika hidup kerana dikhuatiri dirinya akan

dipinggirkan oleh penerima setelah diserahkan keseluruhan hartanya. Ada antara mereka juga yang khuatir harta mereka disalah gunakan dan tidak boleh ditarik balik kerana ia telah dimiliki oleh penerima hibah. Senario-senario tersebut membuatkan mereka yang ingin menghibahkan harta mensyaratkan harta yang dihibah tidak dipindah milik kepada penerima hibah agar tidak berlaku perkara-perkara yang mereka khuatiri dan memudahkan mereka membatalkan pemberian tersebut jika perlu.

Oleh itu, artikel ini akan mengkaji pandangan fuqaha berkaitan hukum dan kedudukan qabd dalam akad hibah berdasarkan hujah-hujah mereka seterusnya melihat hubung kaitnya dengan hukum penarikan balik hibah.

Keperluan qabd dalam hibah

Qabd menurut Ibn Manzur bermaksud mengambil sesuatu dengan tangan secara langsung atau menggenggam sesuatu.¹ Dari segi istilah pula bermaksud penerimaan yang membenarkan berurusan atau *bertasarruf* dengan harta yang diterima.² Al-Kasani pula mentakrifkan *qabd* sebagai keupayaan untuk berurusan dengan harta yang diterima.³

Para fuqaha berselisih pendapat tentang keperluan qabd dalam akad hibah sama ada ia merupakan syarat dalam akad ataupun sebaliknya. Perselisihan tersebut dibahagikan kepada empat golongan iaitu:

- a. Imam al-Thauri, Abu Hanifah, al-Shafi'i dan satu riwayat daripada Imam Ahmad berpendapat, *qabd* ialah syarat *luzum*⁴ atau syarat sah hibah.⁵ Akad hibah tidak berkuat kuasa hanya dengan *ijab* dan *qabul* sahaja tanpa *qabd*⁶. Oleh itu, pemberi hibah boleh menarik balik hibahnya pada bila-bila masa selagi ia masih berada dalam pemilikannya atau tidak berlaku penyerahan harta yang dihibahkan kepada penerima.
- b. Imam Ahmad Ibn Hanbal dalam salah satu daripada riwayatnya menjadikan *qabd* sebagai syarat sah hibah bagi sesuatu yang diukur atau ditimbang sahaja⁷
- c. Imam Malik berpendapat, *qabd* ialah syarat sempurna hibah bukan syarat sah atau *luzum* kerana hibah adalah sah hanya dengan akad iaitu dengan *ijab* dan *qabul*⁸

- d. Imam Ahmad, Abu Thaur dan mazhab Zahiri berpendapat, *qabd* bukan merupakan salah satu daripada syarat hibah. Ia bukan syarat sah mahupun syarat sempurna hibah bahkan hibah sah hanya dengan akad.⁹

Ulama yang tidak mensyaratkan *qabd* dalam hibah berhujah dengan menyamakan akad hibah dengan akad jual beli kerana pada asalnya *qabd* tidak disyaratkan sebagai syarat sah sesuatu akad sehingga terdapat dalil yang menjadikannya sebagai syarat.¹⁰ Bahkan sepatutnya akad jual beli lebih memerlukan kepada syarat *qabd* bagi penetapan milik daripada kedua-dua belah pihak berbanding dengan akad hibah daripada satu pihak sahaja.¹¹ Mereka juga berhujah dengan umumnya hadis Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ أَبِرَاهِيمَ حَدَّثَنَا وَهَيْبٌ حَدَّثَنَا ابْنُ طَاوُسٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْعَائِدُ فِي هَبَّتِهِ كَالْكَلْبِ يَتِيءُ ثُمَّ يَعُودُ فِي قَتِيئِهِ

Maksud:

*Daripada Muslim bin Ibrahim diriwayatkan wahib diceritakan dari Ibn Towus daripada bapanya daripada Ibn Abas RA katanya Rasulullah SAW bersabda: Orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali.*¹²

Dengan hanya berlakunya akad, pemberi hibah berhak menguatkuasakan akad tersebut sebagaimana akad wakaf dan pembebasan hamba¹³ kerana kedua-dua akad ini berkuat kuasa hanya dengan berlakunya akad tanpa perlu kepada *qabd*.¹⁴

Manakala ulama yang mensyaratkan *qabd* sebagai syarat berkuat kuasanya hibah berhujah dengan dalil-dalil berikut:

- i. Saidatina 'Aisyah meriwayatkan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهَا قَالَتْ: إِنَّ أَبَا بَكْرٍ الصِّدِّيقَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ نَحَلَهَا جِدَادًا عَشْرِينَ وَسَقًا مِنْ مَالٍ بِالْغَابَةِ

فَلَمَّا حَضَرَتْهُ الْوَفَاةُ قَالَ وَاللَّهِ يَا بَنِيَّ مَا مِنْ النَّاسِ أَحَدٌ أَحَبَّ إِلَيَّ غَنَى بَعْدِي مِنْكَ وَلَا أَعَزُّ عَلَيَّ فَقْرًا بَعْدِي مِنْكَ وَإِنِّي كُنْتُ نَحَلْتُكَ مِنْ مَالِي جَدَّادُ عَشْرِينَ وَسَقًا فَلَوْ كُنْتُ جَدِّدْتِيهِ وَاحْتَزْتِيهِ كَانَ لَكَ ذَلِكَ وَإِنَّمَا هُوَ مَالُ الْوَارِثِ وَإِنَّمَا هُوَ أَخَوَاكَ وَأُخْتَاكَ فَاقْتَسِمُوهُ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ فَقَالَتْ يَا أَبَتِ وَاللَّهِ لَوْ كَانَ كَذَا وَكَذَا لَتَرَكْتُهُ إِنَّمَا هُوَ أَسْمَاءُ فَمِنْ الْآخِرَى قَالَ ذُو بَطْنٍ بِنْتُ خَارِجَةَ أَرَاهَا جَارِيَةً

Maksud:

Daripada Aisyah r.a.: Abu Bakar r.a. telah memberikan kurma yang telah masak ranum sebanyak (Aisyah) dua puluh wasq (satu wasq bersamaan dengan 60 gantang) daripada kebunnya di Ghabah. Ketika Abu Bakar sedang nazak beliau berkata: Demi Allah wahai anakku sesungguhnya kamu ialah orang yang paling aku sayangi, Sesungguhnya aku telah berikan hartaku kepada kamu buah kurma sebanyak dua puluh wasq. Sekiranya kamu menuai dan mengambilnya, maka harta itu untuk kamu. Akan tetapi ia sekarang telah menjadi harta pusaka. Sesungguhnya ia menjadi milik dua orang saudara lelaki dan perempuanmu. Maka bahagilah ia mengikut kitab Allah SWT. Maka Aisyah berkata: "Demi Allah sekiranya begini halnya, aku tidak akan mengambilnya. Ia untuk Asma' maka siapakah seorang lagi?"¹⁵ Beliau berkata: "Zu Batni binti Kharijah, aku menganggapnya sebagai khadam perempuan."¹⁶

ii. Saidina 'Umar r.a. telah berkata:

رواه مالك عن ابن شهاب عن عروة بن الزبير عن عبد الرحمن بن عبد القاري أن عمر بن الخطاب قال ما بال رجال ينحلون أبناءهم نحلاً ثم يمسكونها فإن مات ابن أحدهم قال مالي بيدي لم أعطه أحداً وإن مات هو قال قد كنت أعطيتُه إياه من نحل نحلة لم يحزها الذي نحلها حتى تكون إن مات لوارثه فهي باطلة

(رواه البيهقي)

Maksud:

Apa halnya dengan lelaki-lelaki yang memberi harta mereka kepada anak-anaknya, kemudian mereka menangguk pemberian hartanya kepada anak-anaknya. Apabila salah seorang daripada anaknya meninggal dunia, bapa tersebut berkata: "Hartaku adalah milikku, aku tidak berikan kepada seseorang pun." Apabila bapa pula hampir meninggal dunia, dia berkata: "Harta ini untuk anakku, aku telah berikan kepadanya." Maka sesiapa yang memberikan harta (pemberian) tetapi tidak menyerahkan pemberian itu sehingga dia meninggal dunia, harta (pemberian) tersebut adalah untuk ahli warisnya. Pemberian seperti itu terbatal.¹⁷

- iii. Menurut Al-Marwazi sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Qudamah bahawa Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan 'Ali RA telah bersepakat tidak mengharuskan hibah kecuali ia di*qabd*¹⁸
- iv. Para Sahabat Rasulullah SAW telah berijmak tentang disyaratkan *qabd* dalam akad hibah berdasarkan dalil yang diriwayatkan oleh Saidatina 'Aisyah tadi dan tiada seorang pun daripada para sahabat ketika itu mengingkarinya.¹⁹

Syarat sah *qabd*

Menurut jumhur fuqaha, *qabd* sah sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Mendapat keizinan dan kebenaran pemberi hibah.²⁰ Pemberi hibah mempunyai pilihan sebelum barang yang dihibahkan itu di*qabd* sama ada mengizinkannya untuk di*qabd* atau menarik balik hibah dan menghalangnya daripada di*qabd* oleh penerima.²¹ Keizinan tersebut tidak hanya sah dengan lafaz izin sahaja bahkan ia juga sah dengan perbuatan yang menunjukkan tanda keizinan sama ada dengan kehadiran pemberi hibah atau sebaliknya.²² Menurut satu riwayat daripada Imam Abu Hanifah, sah *qabd* ketika majlis akad walaupun tidak mendapat keizinan pemberi hibah kerana akad hibah itu sendiri merupakan satu bentuk keizinan untuk *qabd* dan ia menjadi bukti reda pemberi hibah ke atas *qabd*.²³

Manakala menurut mazhab Shafi'i dan Hanbali, tidak sah qabd tanpa izin pemberi hibah sama ada ketika atau selepas majlis akad²⁴ kerana akad hibah bukanlah satu bentuk keizinan untuk *qabd* bahkan perlu kepada keizinan daripada pemberi hibah untuk menyerahkan harta yang dihibahkan. Sekiranya pemberi hibah telah memberi izin *qabd* kepada penerima, kemudian dia menarik balik keizinan tersebut atau menarik balik hibah sebelum berlaku *qabd*, sah penarikan balik tersebut. Namun penarikan balik tersebut tidak sah jika ia berlaku selepas *qabd*.²⁵

Mazhab Shafi'i mensyaratkan keizinan yang diberikan hendaklah secara jelas atau pemberi hibah sendiri menyerahkan dengan tangannya kepada penerima. Namun mazhab Maliki tidak mensyaratkan keizinan pemberi hibah sebagai syarat sah *qabd*.²⁶

- ii. Harta yang dihibah tidak bercampur atau tidak berkait dengan harta lain yang tidak dihibah. Ini kerana, *qabd* bermaksud membolehkan penerima hibah *bertasarruf* dengan harta yang dihibah tanpa ada sesuatu yang boleh menghalangnya. Sebagai contoh, seseorang menghibahkan sebuah rumah yang di dalamnya terdapat perkakas atau perhiasan milik pemberi hibah. Pemberi hibah menyerahkan rumah tersebut tanpa mengosongkannya terlebih dahulu. *Qabd* dalam keadaan begini adalah tidak sah kerana mengosongkan rumah tersebut daripada perhiasan milik pemberi hibah ialah syarat sah penerimaan barang yang dihibahkan.²⁷
- iii. Penerima hibah berkeahlian untuk menerima milik harta iaitu baligh dan berakal.²⁸ Oleh itu tidak sah *qabd* daripada seseorang yang gila atau kurang akalanya dan daripada kanak-kanak yang belum baligh walaupun telah mumayyiz menurut pendapat jumhur fuqaha kecuali mazhab Hanafi. Mereka berhujah dengan kaedah *qiyas* kerana *qabd* termasuk dalam masalah *wilayah*. Kanak-kanak yang belum baligh tidak mempunyai kuasa untuk mentadbir dirinya sendiri begitu juga dia tidak mempunyai kuasa untuk *qabd* harta yang dihibahkan kepadanya. Bapa atau wali mereka yang dilantik oleh pihak berkuasa akan mewakili mereka untuk menerima dan mengambil milik harta yang dihibah.²⁹

Manakala mazhab Hanafi tidak mensyaratkan baligh sebagai syarat sah *qabd*. Kanak-kanak yang telah mumayyiz dan berakal boleh menerima milik harta yang dihibahkan kepadanya tanpa perlu diwakilkan kepada walinya. Mereka berhujah berdasarkan kaedah *istihsan* kerana menerima milik harta yang dihibahkan (*qabd*) adalah salah satu daripada perbuatan atau tindakan yang semata-mata memberi manfaat kepada penerima hibah.³⁰

Kematian salah seorang yang berakad sebelum qabd

Fuqaha berselisih pendapat tentang kedudukan hibah apabila berlaku kematian salah seorang daripada yang berakad sebelum berlaku *qabd* daripada penerima hibah.

- i. Jumhur fuqaha daripada mazhab Syafi'i dan sebahagian fuqaha Hanbali berpendapat, apabila meninggal dunia salah seorang daripada yang berakad hibah sebelum *diqabd* barang yang dihibahkan, maka tidak terbatal akad tersebut bahkan warisnya akan menggantikan tempatnya sama ada memberi izin *qabd* atau memfasakhkan akad tersebut ataupun waris penerima meng*qabd* barang yang dihibah atau menolaknya.³¹ Namun sekiranya salah seorang daripada mereka meninggal dunia sebelum berlaku *qabd* daripada penerima, maka terbatal akad hibah tersebut kerana akad masih belum sempurna ketika berlaku kematian.³²
- ii. Mazhab Hanbali berpendapat, akad hibah terbatal dengan kematian salah seorang daripada yang berakad sama ada sebelum atau selepas diberi keizinan *qabd* seperti akad *wakalah* dan *syirkah*. Sekiranya pemberi hibah meninggal dunia sebelum barang yang dihibahkan itu sampai kepada penerima atau sebelum berlaku *qabd*, maka barang yang dihibah itu akan kembali kepada waris pemberi hibah. Begitu juga sekiranya pemberi menarik balik hibahnya sebelum ia sampai kepada penerima maka sah penarikan balik tersebut.³³
- iii. Mazhab Hanafi berpendapat, kematian salah seorang yang berakad hibah sebelum berlaku *qabd* menyebabkan akad tersebut terbatal. Pemilikan harta yang ingin dihibahkan berpindah milik kepada waris si mati kerana akad hibah belum sempurna ketika berlaku kematian.³⁴

Bagi fuqaha yang tidak menjadikan *qabd* sebagai syarat dalam akad hibah seperti Imam Malik, Abu Thaur dan mazhab Al-Zahiri, kematian salah satu pihak yang berakad sebelum *qabd* tidak membatalkan akad tersebut bahkan ia berkuat kuasa dengan ijab dan qabul sahaja.

Penarikan balik hibah

a. Penarikan balik hibah sebelum *qabd*

Fuqaha berselisih pendapat tentang hukum penarikan balik hibah sebelum *qabd* iaitu:

- i. Mazhab Hanafi, Shafi'i, Imamiyyah, Zaiydiyyah dan satu riwayat daripada mazhab Hanbali mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd* (Hasan 2004: 69). Mereka berhujah berdasarkan ijmak para sahabat Rasulullah SAW yang mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd* (Ibn Qudamah t.th.: 247) dan ia dikuatkan lagi dengan hujah-hujah yang telah dikemukakan sebelum ini dalam masalah keperluan *qabd* dalam akad hibah.
- ii. Mazhab Maliki dan Zahiri tidak mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd*. Mereka berhujah berdasarkan firman Allah SWT :

...يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Terjemahan:

“Wahai orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...”

(Surah al-Maidah, ayat 1)

Akad hibah berkuat kuasa dengan lafaz *ijab* dan *qabul* dari pemberi dan penerima sehingga memberi kesan kewajipan menunaikan janji yang telah diakad tanpa perlu kepada *qabd*. Mereka juga berhujah dengan logik akal dengan mengatakan bahawa akad hibah adalah seperti akad-akad lain yang tidak perlu kepada *qabd* sebagai syarat sah sesuatu akad.³⁵

iii. Mazhab Hanbali daripada riwayat yang lain mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd* sekiranya barang yang dihibahkan itu berbentuk barang yang disukat atau ditimbang. Namun sekiranya barang yang dihibah itu tidak boleh disukat atau ditimbang, tidak harus menarik balik hibah tersebut sebelum berlakunya *qabd*.³⁶

b. Penarikan balik hibah selepas *qabd*

Penarikan balik hibah yang telah sempurna dengan *qabd* oleh penerima hibah selain dari hibah seorang bapa kepada anaknya juga telah menjadi perselisihan fuqaha tentang keharusan. Perselisihan tersebut terbahagi kepada tiga pendapat iaitu:

Pendapat pertama yang merupakan pendapat mazhab Shafi'i, Hanbali, Abu Thauri, Ibn Hazm, Daud al-Zahiry dan sahabat-sahabatnya. Mereka berpendapat bahawa hibah yang telah sempurna³⁷ tidak harus bagi pemberi hibah menarik balik hibahnya.³⁸ Mereka berhujah dengan dalil-dalil berikut:

i. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ...

Terjemahan:

"Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian ..."

(Surah al-Maidah : 1)

Hibah merupakan akad yang wajib ditunaikan dan tidak harus ditarik balik.

ii. Sabda Rasulullah SAW:

... الْعَائِدُ فِي هَبَّتِهِ كَالْكَلْبِ يَقِيءُ ثُمَّ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ

Maksud:

Orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali.

- iii. Sabda Rasulullah SAW lagi sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar:

عن يزيد ومحمد بن جعفر عن حسين المعلم عنه عن طاوس عن بن
عمر وابن عباس به لا يحل للرجل أن يعطي العطية ثم يرجع فيها إلا
الوالد فيما يعطي ولده

(رواه بخاري ومسلم وأبو داود والترمذي)

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang yang memberi hibah menarik balik hibahnya kecuali hibah bapa kepada anaknya. (Al-Qazwini t.th.: 2:295)

Rasulullah SAW menyamakan penarikan balik hibah dengan satu gambaran yang teruk yang di luar tabiat semula jadi manusia yang baik iaitu gambaran seperti anjing yang menelan semula muntahnya.

Pendapat kedua pula merupakan pendapat mazhab Hanafi, Imamiyyah dan Zaydiyyah³⁹ bahawa sekiranya hibah itu diberikan kepada *ajnabi*⁴⁰ dan telah sempurna pemberian hibah dengan qabd oleh penerima hibah, maka tidak terhalang pemberi hibah daripada menarik balik hibah yang telah diberikan kecuali jika terdapat salah satu daripada perkara yang menghalang penarikan balik hibah.⁴¹ Sungguhpun begitu, menurut fuqaha mazhab Hanafi ia makruh dan tidak digalakkan.⁴²

Perkara-perkara yang menghalang penarikan balik hibah menurut mazhab Hanafi:⁴³

- i. Berlaku pertambahan yang tidak boleh dipisahkan pada barang yang dihibah sama ada disebabkan oleh perbuatan penerima hibah atau orang lain. Sebagai contoh, penerima hibah menambah binaan baru ke atas rumah yang dihibahkan kepadanya ataupun penerima hibah menjahit kain yang dihibahkan kepadanya menjadi baju kemeja.⁴⁴ Pertambahan tersebut tidak termasuk pertambahan nilai kerana pertambahan nilai tidak menjejaskan barang yang dihibah kekal pada bentuk asalnya. Begitu juga jika pertambahan itu

berasingan atau sesuatu yang boleh diasingkan daripada barang asal yang dihibahkan seperti buah dari kebun yang dihibahkan kerana pemberi hibah boleh menarik balik hibah kebun tersebut manakala buah hasil kebun menjadi milik penerima hibah.

- ii. Kematian salah seorang daripada dua orang yang berakad hibah selepas berlaku penyerahan. Ini kerana, sekiranya penerima hibah meninggal dunia, barang yang dihibah akan menjadi milik ahli warisnya. Begitu juga sekiranya pemberi hibah yang meninggal dunia, maka ahli warisnya tiada hak untuk menarik balik hibah tersebut.⁴⁵

Namun hibah akan terbatal sekiranya berlaku kematian salah seorang daripada dua orang yang berakad sebelum berlaku penyerahan barang yang dihibahkan (*qabd*). Pemilikan barang yang dihibah berpindah kepada ahli waris pemberi hibah sebelum sempurnanya proses pemberian hibah. Oleh itu penarikan balik hibah tidak berlaku kerana akad hibah dikira terbatal dengan kematian salah seorang daripada mereka sebelum sempurna penerimaan hibah.

- iii. Wujud syarat pertukaran atau balasan. Penerima hibah menggantikan hibah yang telah diberikan oleh pemberi hibah dengan sesuatu balasan sebagaimana yang disyaratkan oleh pemberi hibah.⁴⁶
- iv. Penerima hibah telah menjalankan urusan niaga terhadap harta yang dihibah dan ia bukan lagi menjadi milik pemberi hibah. Sebagai contoh, penerima hibah pertama telah menghibahkan harta tersebut kepada penerima hibah kedua, menyebabkan pemberi hibah pertama terhalang dari menarik balik hibahnya. Namun sekiranya penerima hibah pertama telah menarik balik hibah tersebut daripada penerima hibah kedua, maka pemberi hibah pertama boleh menarik balik hibahnya daripada penerima hibah pertama.
- v. Hibah yang dibuat oleh suami atau isteri, kerana tujuan hibah tersebut adalah atas dasar kasih sayang tanpa mengharap balasan berbanding dengan hibah kepada orang lain. Pemberian hibah tersebut hendaklah berlaku ketika pasangan suami isteri berada dalam ikatan perkahwinan. Sekiranya seorang lelaki menghibahkan sesuatu kepada seorang perempuan kemudian mereka berkahwin,

maka suami mempunyai hak untuk menarik balik hibah yang berlaku sebelum perkahwinan.⁴⁷ Namun sekiranya, pemberian hibah berlaku ketika dalam ikatan perkawinan, salah seorang daripada mereka tidak boleh menarik balik hibah tersebut walaupun selepas perceraian.

- vi. Pemberian hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan (kerabat) yang diharamkan berkahwin dengannya.⁴⁸ Halangan penarikan balik hibah disebabkan tujuan pemberian hibah tersebut adalah untuk merapatkan hubungan silatur rahim sesama mereka. Sikap saling tolong-menolong dan bantu-membantu antara mereka menjadi wasilah atau jalan untuk mendapat ganjaran dan pertolongan di akhirat kelak dan ia lebih bernilai daripada harta.⁴⁹
- vii. Harta hibah telah rosak atau telah hilang manfaatnya. Tidak boleh juga menarik balik hibah dengan nilai barang yang telah rosak kerana nilai barang yang dihibah tidak disebut ketika berakad dan penerimaan hibah tidak dikenakan gantian.⁵⁰

Sekiranya salah satu daripada halangan penarikan balik hibah tersebut tiada, maka sah penarikan balik hibah namun dengan syarat mendapat persetujuan dan keredaan pemberi dan penerima hibah atau melalui perintah mahkamah.⁵¹

Golongan ini berhujah dengan dalil-dalil berikut:

- a. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

عن عمر بن دينار عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم الرجل أحق بهبته ما لم يُثب منها
(رواه أبو داود)

Maksud:

Pemberi hibah lebih berhak terhadap hibahnya yang tidak memberi apa-apa ganjaran daripadanya. (Al-Qazwini t.th. 2: 798)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa setiap hibah yang tidak ada gantian atau balasan yang diterima oleh pemberi hibah, dia mempunyai hak menarik kembali hibahnya.⁵²

- b. Mereka berhujah bahawa tujuan hibah adalah untuk mendapat balasan daripada kebiasaannya. Manusia akan memberi sesuatu kepada orang atasannya untuk mendapat perlindungan dengan pangkat dan kuasa yang ada, memberi sesuatu kepada orang bawahan untuk mendapat khidmat mereka dan memberikan sesuatu kepada orang yang sama taraf adalah untuk mendapat balasan daripadanya. Oleh itu sekiranya hilang tujuan pemberian hibah maka pemberi hibah mempunyai kuasa untuk membatalkan hibah tersebut seperti pembeli boleh membatalkan akad jual belinya jika terdapat aib pada barang yang dibeli.
- c. Hibah yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang tidak boleh dikahwini (mahram) tidak sah ditarik balik kerana ia boleh memutuskan hubungan silatur rahim antara pemberi dan penerima hibah.⁵³ bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Samrah bahawa Nabi SAW bersabda:

حدثنا عبد الله بن جعفر عن عبد الله بن المبارك عن حماد بن سلمة
عن قتادة عن الحسن عن سمرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال إِذَا
كَانَتْ الْهِبَةُ لِذِي رَحِمٍ مَحْرَمٍ لَمْ يَرْجَعْ فِيهَا
(رواه البيهقي)

Maksud:

Sekiranya hibah diberikan kepada kerabat kamu yang tidak boleh dikahwini ia tidak boleh ditarik balik. (Al-Baiyhaqi 1994, 6: 181)

Hadis tersebut membuktikan bahawa pemberi hibah lebih berhak menarik balik hibah yang telah diberikan kepada selain daripada saudara mara yang haram dikahwini.⁵⁴ Namun menurut Al-Bayhaqi, hadis tersebut tidak kuat kerana

diriwayatkan melalui satu sanad sahaja⁵⁵ dan ia disokong oleh Al-Darqutni dalam sunan beliau.⁵⁶

- d. Pemberi hibah yang tidak mendapat apa-apa balasan daripada penerima hibah atas pemberian hibahnya berhak menarik balik hibah tersebut sepertimana akad pinjaman. Sekiranya akad pinjaman boleh ditarik balik kerana tiada balasan begitu juga dengan hibah kerana kedua-duanya merupakan akad *tabarru'*.

Namun begitu, Ibn al-Jauzi berkata sebagaimana yang dinukilkan oleh Hasan bahawa hadis yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan Samrah adalah lemah.⁵⁷

Pendapat ketiga merupakan pendapat al-Nakhaie, al-Thauri dan Ishak bahawa hibah boleh ditarik balik sekiranya diberikan kepada selain dari kaum kerabat dan hibah yang tiada syarat balasan walaupun telah sempurna penyerahan hibah tersebut.⁵⁸ Mereka berhujah dengan athar saidina Umar:

حدثنا أبو معاوية عن الأعمش عن إبراهيم عن الأسود عن عمر قال مَنْ
وَهَبَ هِبَةً لِذِي رَحِمٍ فَهِيَ جَائِزَةٌ وَمَنْ وَهَبَ هِبَةً لِغَيْرِ ذِي رَحِمٍ فَهُوَ أَحَقُّ
بِهَا مَا لَمْ يُثَبَّ عَلَيْهَا.

Maksud:

*Sesiapa yang memberi hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya adalah harus, dan sesiapa yang memberi hibah kepada selain daripada yang mempunyai hubungan keluarga dengannya dia lebih berhak ke atas hibah tersebut kerana tidak mendapat apa-apa ganjaran daripadanya.*⁵⁹

Berdasarkan *athar* di atas, tidak harus menarik balik pemberian hibah kepada seseorang yang mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada boleh dikahwini atau pun tidak dengan tidak mengkhususkan kepada keluarga yang boleh dikahwini sahaja seperti pendapat mazhab Hanafi.

Penarikan balik hibah bapa kepada anak

Jumhur fuqaha daripada mazhab Maliki, Shafi'i, Hanbali dan Zahiri berpendapat bahawa bapa diharuskan menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anak⁶⁰ dengan beberapa syarat tertentu sama ada tujuan penarikan balik tersebut untuk memberi kesamarataan pemberian di kalangan anak-anak atau tanpa tujuan tersebut.⁶¹ Namun menurut mazhab Shafi'i, sekiranya pemberian tersebut telah diberikan secara adil antara anak-anak dan tiada apa-apa keuzuran yang menyebabkan bapa menarik balik hibahnya seperti anak telah derhaka atau pemberian tersebut menyumbang kepada kemaksiatan yang dilakukan oleh anak, maka hukum bapa menarik balik hibahnya adalah makruh.⁶²

Jumhur fuqaha mengharuskan penarikan balik hibah bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar:

ثَنَا حُسَيْنُ الْمَعْلَمِ عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ طَاوُسٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ وَابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَحِلُّ لِلرَّجُلِ أَنْ يُعْطِيَ عَطِيَّةً أَوْ يَهْبُ هَبَةً فَيَرْجِعُ فِيهَا إِلَّا الْوَالِدُ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ وَمَثَلُ الَّذِي يُعْطِي الْعَطِيَّةَ ثُمَّ يَرْجِعُ فِيهَا كَمَثَلِ الْكَلْبِ يَأْكُلُ فَإِذَا شَبِعَ قَاءَ ثُمَّ عَادَ فِي قَيْئِهِ

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang yang memberi pemberian atau hibah menarik balik hibahnya kecuali hibah bapa kepada anaknya, dan diumpamakan orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang makan apabila telah kenyang dia memuntahkannya kemudian dia kembali memakan muntahnya. (Al-Hakim 1990, 2:53)

Mazhab Hanafi, al-Thawuri dan satu riwayat lain daripada Imam Ahmad berbeza pendapat dengan jumhur fuqaha dengan tidak mengharuskan penarikan balik hibah bapa kepada anaknya.⁶³ Mereka berhujah berdasarkan sabda Rasulullah SAW :

الْعَائِدُ فِي هِبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَقِيءُ ثُمَّ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ

(Riwayat al-Bukhari)

Terjemahan:

Orang yang menarik balik hibahnya seperti anjing yang muntah kemudian memakan muntahnya kembali.

Saidina ‘Umar pula telah berkata: “Sesiapa menghibahkan sesuatu dengan tujuan untuk mengeratkan silaturrahim atau bertujuan untuk bersedekah maka tidak harus menarik balik hibahnya.”⁶⁴

Jumhur fuqaha telah berselisih pendapat tentang siapakah selain bapa yang dikira hukumnya sebagai bapa yang diharuskan menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anak:

- i. Mazhab Maliki berpendapat bahawa keharusan menarik balik hibah hanya diberikan kepada bapa sahaja⁶⁵ sama ada anak tersebut lelaki ataupun perempuan, kanak-kanak atau dewasa, kaya atau miskin dengan syarat harta yang dihibah masih menjadi milik anak dan tidak terikat dengan hak orang lain.⁶⁶ Namun ibu juga berhak menarik balik hibah daripada anaknya yang masih mempunyai bapa tidak kira anak tersebut masih kecil atau telah dewasa. Tetapi sekiranya anak tersebut masih kecil dan telah kematian bapa, ibu tidak diharuskan menarik balik hibah walaupun pemberian itu sebelum kematian bapanya kerana anak kecil yang kematian bapa dikira sebagai anak yatim yang dilarang menarik balik hibah daripadanya seperti hukum sedekah.⁶⁷
- ii. Mazhab Shafi’i dan Hanbali pula berpendapat penarikan balik hibah diharuskan kepada bapa dan *usulnya* iaitu datuk dan nenek, begitu juga kepada ibu dan *usulnya*⁶⁸ walaupun berlainan agama menurut pendapat yang masyhur. Keharusan tersebut tanpa melihat kepada kedudukan anak sama ada ia miskin atau kaya dan sama ada ia masih kecil ataupun telah dewasa dan juga sama ada sebelum atau selepas *qabd*⁶⁹ berdasarkan sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Ibn Umar yang mengharuskan penarikan balik hibah daripada seorang bapa kepada

anaknya.⁷⁰ Keharusan datuk atau nenek menarik balik hibah yang telah diberikan kepada cucunya adalah dengan bersandarkan ayat-ayat Allah SWT yang menggunakan lafaz bapa untuk datuk seperti firman Allah SWT:

...وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ آبَائِي إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ...

(Surah Yusuf, ayat 38)

Maksud:

... dan aku menurut agama bapa dan datuk nenekku: Ibrahim dan Ishak serta Yaakub ...

Lafaz آبائي yang bermaksud bapa-bapaku telah digunakan untuk Nabi Ibrahim dan Nabi Ishak yang merupakan datuk kepada Nabi Yusuf a.s. Oleh itu, kedudukan datuk dan nenek adalah sama dengan kedudukan bapa yang diberi keharusan menarik balik hibah yang telah diberikan kepada cucunya sebagaimana keharusan yang diberikan kepada bapa dan ibu.⁷¹

Syarat-syarat yang mengharuskan penarikan balik hibah mengikut pendapat fuqaha:

- i. Harta yang dihibahkan masih menjadi milik anak yang menerima hibah. Sekiranya harta atau barang yang dihibah itu telah menjadi milik orang lain sama ada telah dijual, telah diwakafkan atau telah dihibahkan dan telah berlaku *qabd* maka bapa tidak harus menarik kembali hibahnya. Ia merupakan syarat yang ditetapkan oleh mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali.⁷²
- ii. Harta atau barang yang dihibahkan masih berada di dalam jagaan atau urusan anak yang menerima hibah. Sekiranya anak telah menggadaikan barang yang dihibahkan oleh bapanya atau pun dia telah muflis dan ditegah daripada menguruskan hartanya, maka bapa tidak boleh menarik balik hibah tersebut bagi menjaga kepentingan pemiutang atau orang yang memegang barang gadaian tersebut. Namun sekiranya barang yang dicagarkan tadi telah menjadi milik anak yang menerima hibah kerana telah diselesaikan

hutangnya, maka bapa berhak menarik balik hibah tersebut. Ia merupakan pendapat mazhab Hanbali.⁷³ Namun begitu, fuqaha mazhab Shafi'i tidak menjadikan gadaian dan pinjaman atas tanah yang dihibah sebagai halangan untuk bapa menarik balik hibahnya kerana barang yang dihibah masih di bawah penguasaan anak. Dikecualikan dalam masalah ini, sekiranya bapa telah gila, maka dia atau walinya tidak boleh menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anak walaupun harta tersebut masih di bawah penguasaan anak kerana tidak sah penarikan balik ketika dalam keadaan gila sehinggalah dia telah sihat.⁷⁴

- iii. Hibah yang diberikan bukan menjadi sebab orang menyukai anak yang menerima hibah atau mendapat kedudukan dalam masyarakat. Sebagai contoh, disebabkan pemberian hibah seorang bapa kepada anaknya masyarakat sekeliling ingin bermuamalah, berhutang atau memberi hutang atau berkahwin dengan anak yang menerima hibah tersebut. Dalam masalah ini, bapa tidak diharuskan menarik balik hibah menurut pendapat mazhab Maliki dan juga menurut satu riwayat daripada Imam Ahmad kerana hibah tersebut berkait dengan hak orang lain selain anak yang menerima hibah. Penarikan balik hibah tersebut akan mendatangkan kemudaratkan ke atas orang lain dan ia dilarang dalam Islam⁷⁵ sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عن عبادة بن صامت أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال لا ضرر ولا ضرار

(رواه الحاكم)

Terjemahan:

"Tidak boleh mudarat dan memudaratkan." (Al-Hakim 1990, 2:66)

Namun Imam Ahmad dalam riwayat lain berpendapat bahawa dalam situasi tersebut bapa diharuskan menarik balik hibahnya berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

عن يزيد ومحمد بن جعفر عن حسين المعلم عنه عن طاوس عن ابن عمر
وابن عباس به لا يحل للرجل أن يعطي العطية ثم يرجع فيها إلا الوالد
فيما يعطي ولده

(رواه بخاري ومسلم وأبو داود والترمذي)

Maksud:

Tidak halal bagi seseorang memberi sesuatu pemberian kemudian dia menarik balik pemberian tersebut kecuali apa yang diberi oleh bapa kepada anaknya. (Al-Qazwini t.th.: 2:295)

- iv. Tidak berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan atau dipisahkan pada barang yang dihibah seperti lemak atau gemuk. Ia merupakan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad yang tidak mengharuskan bapa menarik balik hibah daripada anaknya yang telah berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan. Menurut mazhab Maliki pertambahan atau pengurangan yang berlaku ke atas barang yang dihibahkan kepada anak dihalang daripada ditarik balik oleh bapa.⁷⁶

Namun terdapat riwayat lain daripada beliau dan juga pendapat mazhab Shafi'i yang mengharuskan bapa menarik balik hibah jika berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan daripada barang yang dihibah. Begitu juga pertambahan yang boleh diasingkan atau dipisahkan daripada barang yang dihibah seperti buah-buahan dari kebun yang telah dihibah, bapa diharuskan menarik balik hibahnya menurut mazhab Shafi'i.⁷⁷

- v. Tidak bertujuan untuk mendapat balasan atau ganjaran di akhirat atau untuk mengeratkan hubungan silatur rahim dan kasih sayang antara mereka menurut pendapat mazhab Maliki.

Kesimpulan

Perselisihan fuqaha berkaitan hukum penarikan balik hibah ini adalah berhubung kait dengan pendapat fuqaha serta hujah mereka berkaitan dengan keperluan *qabd* dalam akad hibah. Golongan yang berpendapat

bahawa hibah tidak berkuat kuasa tanpa *qabd*, mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd*. Sebaliknya golongan yang berpendapat bahawa *qabd* bukan syarat berkuat kuasanya hibah dan hibah berlaku hanya dengan akad, tidak mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd*.

Namun dalam masalah penarikan balik hibah selepas *qabd* jumhur fuqaha kecuali mazhab Hanafi, Imamiyyah dan Zaidiyah berpendapat tidak harus menarik balik hibah setelah sempurna akad dan *qabd*. Mereka berpendapat, akad hibah sempurna dan berkuat kuasa dengan sempurnanya *qabd* oleh penerima hibah. Manakala mazhab Hanafi, Imamiyyah dan Zaidiyah mengharuskan penarikan balik hibah yang telah sempurna *qabd* daripada penerima hibah yang bukan tergolong daripada kaum kerabat yang tidak boleh dikahwini. Pemberi hibah lebih berhak ke atas harta yang dihibah namun hubungan kekeluargaan atas dasar pertalian darah dan kasih sayang perlu dipelihara agar ia tidak musnah dengan penarikan balik hibah. Oleh itu, golongan ini tidak mengharuskan penarikan balik hibah seorang bapa kepada anaknya bertentangan dengan pendapat jumhur fuqaha yang mengharuskannya. Mazhab Hanafi juga tidak mengharuskan penarikan balik hibah yang dibuat dengan syarat balasan.

Keperluan *qabd* dalam hibah adalah bertujuan bagi memastikan kesungguhan pemberi hibah menghibahkan barang yang dihibah kepada penerima dan membuktikan kerelaan penerima hibah menerima hibah yang diberikan sama ada ia berbentuk harta alih atau pun harta tak alih. Ini kerana, penerima hibah mempunyai pilihan sama ada menerima atau menolak pemberian tersebut. Begitu juga dengan pemberi hibah, dia berhak menarik balik pemberiannya sekiranya dia berhajat kembali kepada barang yang dihibah selagi tidak diterima milik atau *diqabd* oleh penerima hibah. Antara bentuk *qabd* yang perlu dilaksanakan oleh penerima hibah adalah sama ada dengan mengambil terus barang yang dihibahkan, mengambil milik surat hak milik (geran tanah), menyelesaikan pertukaran hak milik, mengerjakan atau menduduki tanah ataupun rumah yang dihibah, mengambil kunci rumah ataupun menandatangani borang-borang berkaitan sebagai tanda penerimaan.

Oleh itu, kedudukan *qabd* dalam hibah adalah berhubung kait

dengan hukum penarikan balik hibah. Hibah sempurna dan berkuat kuasa dengan sempurnanya *qabd* oleh penerima hibah. Akad yang telah sempurna tidak diharuskan untuk ditarik balik atau dibatalkan oleh pemberi hibah kecuali dalam masalah pemberian hibah seorang bapa kepada anaknya.

Nota Hujung

1. Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram (1427H/2006M), *Lisan al-Arab*, jil. 11, Riyadh: Dar al-Akhyar, hlm 10.
2. M. Rauwwas Qal'ah Ji et.al. (1405H/1985M), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafais, hlm356.
3. Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud. 1419H/1998M. *Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Syarai'*. 'et.2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, hlm171.
4. Ibn Qudāmah, 'Abd Allah bin Ahmad. t.thlm *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, hlm 251.
5. Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
6. Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1415H/1995M. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Syirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
7. Inas Abbas Ibrahim. 1413H/1993M, *Hibah al-aba' li abnaihlm hlm al-hayahlm* Majalah al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyahlm Kuwait: Majlis al-Nasyr al-'Ilmi Fi Jamia'ah al-Kuwait. Bil. 19.
8. Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah hlm 363.
9. Ibn Qudāmah, 'Abd Allah bin Ahmad. t.th: 251. *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi. hlm 363.
10. Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah hlm 362 .
11. Inas Abbas Ibrahim. 1413H/1993M, *Hibah al-aba' li abnaihlm hlm al-hayahlm* Majalah al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyahlm Kuwait: Majlis al-Nasyr al-'Ilmi Fi Jamia'ah al-Kuwait. Bil. 19. Hlm 71.
12. Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1407H/1987M. *Al-Jami' al-Sahih al-Muhtasar*. 'et.3. Beyrut: Dar Ibn Kathir. Jld. 5. Hlm 915.
13. Ibn Qudāmah, 'Abd Allah bin Ahmad. t.thlm *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi. Hlm 247.
14. Muhammad Husni Ibrahim Salim. 1415H/1994M. *Al-Hibah fi Al-Fiqh* Al-Islamiy Dirasah Muqaranahlm Kaherah: Dar al-Taba'ah al-Muhammadiyahlm Hlm 30.

15. “Zu Batni” yang dimaksudkan oleh Abu Bakar ialah anak perempuan dalam kandungan Habibah binti Kharijah yang hamil dengannya dan bayi tersebut lahir selepas kewafatannya. Ibn Hajr, *Al-Isabah fi Hayati Al-Sahabah*, Jil. 8, hlm 80.
16. Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husin. 1414H/1994M. *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Mekkah: Maktabah Dar al-Baz Jld. 6, Hlm 169.
17. Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husin. 1414H/1994M. *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Mekkah: Maktabah Dar al-Baz Jld. 6, Hlm 170.
18. Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. t.thlm *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi.Hlm 250.
19. Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. t.thlm *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi. Hlm 247.
20. Al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1415H/1994M. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma’rifat Ma’ani Alfaz al-Minhaj*. Juz.3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah Hlm 565.
21. Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1415H/1995M. *Kitab al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab li al-Syirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad. Hlm 350.
22. Inas Abbas Ibrahim. 1413H/1993M, *Hibah al-aba’ li abnaihlm hlm al-hayahlm* Majalah al-Shari’ah wa al-Dirasat al-Islamiyyahlm Kuwait: Majlis al-Nasyr al-‘Ilmi Fi Jamia’ah al-Kuwait. Bil. 19. Hlm 73.
23. Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. t.thlm *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi. Hlm 248.
24. Al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1415H/1994M. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma’rifat Ma’ani Alfaz al-Minhaj*. Juz.3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘IlmiyyahlmHlm 565.
25. Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. t.thlm *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi. Hlm 248-249. Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1415H/1995M. *Kitab al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab li al-Syirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.Hlm 350.
26. Al-Zuhayli, Wahbahlm 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhlm* ‘et.3. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hlm 21.
27. Inas Abbas Ibrahim. 1413H/1993M, *Hibah al-aba’ li abnaihlm hlm al-hayahlm* Majalah al-Shari’ah wa al-Dirasat al-Islamiyyahlm Kuwait: Majlis al-Nasyr al-‘Ilmi Fi Jamia’ah al-Kuwait. Bil. 19. Hlm 73.

28. Mustafa Khin et.al. 1427H/2006M. *al-Fiqh al-Manhaji ala Mazahib al-Imam al-Syafi'i*. Jil.3. Damsyiq:Dar al-Qalam. hlm 113-114.
29. Inas Abbas Ibrahim. 1413H/1993M, *Hibah al-aba' li abnaihlm hlm al-hayahlm* Majalah al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyahlm Kuwait: Majlis al-Nasyr al-'Ilmi Fi Jamia'ah al-Kuwait. Bil. 19. Hlm 73-74.
30. Inas 1993, hlm 73-74.
31. Al-Nawawi 1995: 351; al-Sharbini 1994: 566.
32. Ibn Qudamah t.th. hlm 250.
33. Ibn Qudamah t.th. hlm 249.
34. Muhammad Husni 1994, hlm 103.
35. Hasan 2004, hlm 72.
36. Hasan 2004, hlm 72.
37. Hibah yang sempurna menurut mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah barang yang dihibah telah diterima oleh penerima hibah (*qabd*) dan menjadi miliknya. Manakala menurut mazhab Zahiri, hibah dikira sempurna dengan sempurnanya akad.
38. Ibn Qudamah t.t., hlm 290.
39. Hasan 2004, hlm 73.
40. Sesiapa yang bukan tergolong daripada kaum kerabat yang menjadi mahram kepada pemberi hibah
41. Muhammad Husni 1994, hlm 100.
42. Al-Qadiri 1997, 7 hlm 494.
43. Muhammad Husni 1994, hlm 101.
44. Al-Zuhayli 1989, hlm 31.
45. Al-Qadiri 1997, hlm 497; Al-Zuhayli 1989, hlm 33.
46. Al-Qadiri 1997: 497
47. Al-Qadiri 1997: 499-500
48. Kerabat yang bukan mahram seperti sepupu dan mahram yang tidak mempunyai hubungan darah seperti saudara susuan adalah sah penarikan balik hibahnya. Inas Abbas Ibrahim, *Hibah Al-Aba' li Abna'ihim Hlm*

Al-Hayah, Majallah Al-Syariah wa Al-Dirasat Al-Islamiyyah, 1413H/1993M, Kuwait: Majlis Al-Nasyar Al-Ilmiy Fi Jamiah Kuwait, hlm 91.

49. Al-Zuhayli 1989: 31
50. Al-Zuhayli 1989: 31
51. Muhammad Husni 1994: 104
52. Hasan 2004: 83
53. Al-Qadiri 1997, hlm 500
54. Hasan 2004, hlm 83
55. Al-Baiyhaqi 1994, hlm 181
56. Al-Darqutni t.t. hlm 3: 44
57. Hasan 2004, hlm 83.
58. Muhammad Husni 1994, hlm 100.
59. Ibn Qudamah t.t. hlm, 290
60. Al-Damiri 2004, hlm 556-557
61. Ibn Qudamah t.t hlm 252; Inas 1993, hlm 90-91
62. Inas 1993, hlm 92
63. Ibn Qudamah t.t. hlm 270
64. Ibn Qudamah t.t. hlm 271
65. Al-Zuhayli 2007 hlm 154
66. Inas 1993, hlm 91
67. Hasan 2004, hlm 80
68. Al-Damiri 2004, 154
69. Al-Sharbini t.t. hlm173
70. Al-Sharbini 1994, hlm 568
71. Hasan 2004, hlm 82
72. Al-Damiri 2004, hlm 558
73. Muhammad Husni 1994, hlm 113
74. Al-Sharbini t.t., hlm173

75. Ibn Qudamah t.t. hlm 278; Muhammad Husni 1994, hlm 114

76. Al-Zuhayli 1989, hlm 27

77. Al-Damiri 2004, hlm 561

Rujukan

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman.

Ahmad bin al-Husin Al-Bayhaqi (1414H/1994M). *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*, Mekkah: Maktabah Dar al-Baz.

Ali bin Umar Al-Darqutni. (1386H/1966M). *Sunan al-Darqutni*. Beyrut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud. 1419H/1998M. *Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Syarai*. 'et.2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Hasan Muhammad Buda. 2004. *Mawani' al-Ruju' fi al-Hibah fi al-Fiqh al-Islamiy wa al-Qanun al-Wad'i*. Iskandariyyah: Dar al-Jami'ah al-Jadidah li al-Nasyr.

Ibn Qudamah, 'Abd Allah bin Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Juz. 6. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi.

Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1416H/1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Inas Abbas Ibrahim. 1413H/1993M, *Hibah al-aba' li abnaihimi hal al-hayah. Majalah al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Kuwait: Majlis al-Nasyr al-'Ilmi Fi Jamia'ah al-Kuwait. Bil. 19.

Jamal al-Din Muhammad bin Mukram Ibn Manzur. (1427H/2006M). *Lisan al-'Arab*. Riyadh: Dar al-Akhyar.

Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (1407H/1987M). *Al-Jami' al-Sahih al-Muhtasar*, 'et.3. Beirut: Dar Ibn Kathir.

Muhammad bin Musa bin 'Isa Al-Damiri, (1425H/2004M). *al-Najm al-Wahhaj fi al-Syarh al-Minha*,. t.tp.: Dar al-Minhaj. jil. 5.

Muhammad bin 'Abdulla Al-Hakim (1411H/1990M). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayni*. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Muhammad bin Husayn bin 'Ali Al-Qadiri. (1418H/1997M). *Takmilah al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Juz.7. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- M. Rauwwas Qal'ah Ji et.al. 1405H/1985M. *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Muhammad Husni Ibrahim Salim. 1994M/1415H. *Al-Hibah fi Al-Fiqh Al-Islamiy Dirasah Muqaranah*. Kaherah: Dar al-Taba'ah al-Muhammadiyyah.
- Mustafa Khin et.al. 1427H/2006M. *al-Fiqh al-Manhaji ala Mazahib al-Imam al-Syafi'i*. Jil.3. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1415H/1995M. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab li al-Syirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Qazwini, Muhammad bin Yazid. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Beyrut: Dar al-Fikr.
- Al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1415H/1994M. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Juz.3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. t.th. *al-Iqna' fi hal alfaz Abi Shuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Juz.2.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh*. 'et.3. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1428H/2007M. *al-'Uqud al-musamah fi qanun al-mu'amalat al-madaniyah al-imarati wa al-qanun al-madani al-urduni*. Beirut: Dar al-Fikr.

Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional

MOHAMAD ZARIFI BIN MOHAMAD DAUD

Abstrak

Industri insurans telah mula berkembang di Malaysia sejak sekian lamanya. Insurans telah dilihat sebagai sebuah instrumen yang penting untuk mengurus risiko kehidupan manusia. Dalam konteks Malaysia, terdapat dua konsep insurans yang dilaksanakan iaitu insurans konvensional dan insurans berteraskan Islam (takaful). Artikel ini akan membentangkan pendapat-pendapat fuqaha' dalam menjawab persoalan hukum mempromosikan produk-produk insurans konvensional.

Abstract

Insurance industry started to expand in Malaysia a long time ago. Insurance was viewed as an important instrument to run human risk in life. In Malaysian context, there are two insurance concepts that were implemented namely: conventional insurance and Islamic insurance (takaful). This article will present fuqaha's opinion to answer law issues on promoting conventional insurance products.

Pendahuluan

Isu berkaitan insurans konvensional telah mula dibincang oleh ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJKF) sejak tahun 1980-an lagi. Setelah diteliti, sebanyak tiga keputusan yang berkaitan insurans konvensional diputuskan oleh ahli-ahli MJKF iaitu seperti berikut:

- i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJKF) kali ke-16 yang bersidang pada 15-16 Februari 1979 telah membincangkan isu “Insurans Nyawa” dan telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

“Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagai suatu muamalah yang fasad kerana aqadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu:

- a. mengandungi gharar (ketidak-tentuan),
- b. mengandungi unsur judi, dan
- c. mengandungi muamalah riba.”

- ii. Sidang MJKF kali ke-80 pada 1-3 Februari 2008 ketika membincangkan “Hukum Insurans Am” telah bersepakat memutuskan bahawa:¹

“Hukum ke atas Insurans Am adalah tidak diharuskan oleh Islam.”

- iii. MJKF kali ke-76 pada 21-23 November 2006 pula telah membahaskan isu berkaitan “Hukum Ke atas Produk Investment Link Menurut Islam” dan telah bersetuju memutuskan bahawa:²

“Umat Islam hari ini mempunyai banyak alternatif untuk membeli atau melabur dalam produk-produk insurans yang berlandaskan syariah.” Oleh itu, pembelian produk-produk Investment Link yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional yang menggabungkan insurans konvensional dan pelaburan saham amanah dalam dana-dana yang tidak menepati syarak perlu dielakkan oleh umat Islam.”

Berpandukan kepada keputusan-keputusan yang dimuktamadkan oleh ahli-ahli MJKF dan beberapa fatwa daripada organisasi fatwa antarabangsa, dapatlah dirumuskan bahawa pendirian hukum terhadap insurans konvensional adalah jelas keharamannya mengikut kesepakatan para ulama kerana ia mempunyai elemen tidak patuh syariah iaitu *riba*, *gharar* dan *maysir*. Walaupun keputusan berkaitan insurans konvensional sudah jelas, masyarakat awam khususnya masih lagi membangkitkan apakah hukum mempromosikan produk-produk insurans konvensional.

Pandangan al-quran dan al-sunnah berkaitan muamalah Riba

Berdasarkan dalil-dalil daripadanya, al-Quran telah meletakkan pendirian yang sangat jelas dan tegas terhadap sebarang aktiviti dan amalan yang mempunyai unsur riba. Surah al- Baqarah, ayat 275 telah memberikan gambaran yang sangat buruk, kotor, jahat dan hina kepada pengamal riba, selain itu di dalam ayat tersebut, Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan segala urusan yang melibatkan amalan riba:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ
قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّقِهَا فَلَهُ
مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Terjemahan:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana rasukan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: «Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba.» padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

(Surah al-Baqarah, (2):275)

Said bin Jubair ketika mentafsirkan ayat:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ

beliau telah menyatakan bahawa orang yang memakan riba akan dibangkitkan di akhirat nanti dalam keadaan gila dan dicekik.³ Ibn Abbas juga telah menggambarkan golongan tersebut akan dibangkitkan dalam keadaan terhoyong-hayang.⁴

Pada masa yang sama, ayat seterusnya dalam surah telah menunjukkan bahawa Allah SWT telah menyatakan keharaman riba dan menolak pendirian melampau golongan *kuffar* yang sengaja menganggap riba itu adalah sama dengan perniagaan.⁵

Keharaman muamalah riba tidak terhenti setakat itu sahaja, bahkan Allah SWT telah mengisytiharkan perang kepada pemakan- pemakan harta riba:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَإِن تُبْتِغُوا فَلََكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

Terjemahan:

“Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.

Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”

(Surah al-Baqarah, (2):278-279)

Ibn Abbas ketika mentafsirkan ayat ini telah menyatakan bahawa pada hari akhirat nanti, akan dikatakan kepada pemakan-pemakan riba, “Ambillah senjata kamu untuk berperang dengan Allah SWT”.⁶ Sementara itu, Qatadah ketika mentafsirkan ayat ini telah memberikan peringatan bahawa, “Allah akan menyediakan pemakan riba hukuman bunuh dan akan mendapatkannya dimana mereka berada”. Perkara yang sama juga ditafsirkan oleh al-Rabi’.⁷

Nabi SAW juga telah menyebut perihal dosa amalan riba. Sebagai contoh dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Nabi SAW telah melaknat pemakan harta riba dan seluruh yang terlibat dalam urusan tersebut:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ
وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَيْهِ وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ

Maksud :

Daripada Jabir: Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, pemberi wakilnya, pencatatnya dan dua saksinya. Nabi SAW bersabda: Semuanya sama-sama dilaknat.

Selain itu, sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari juga telah memberikan pedoman akan seruan Baginda Nabi SAW supaya menjauhi tujuh jenis dosa besar. Hadith daripada Abu Hurairah RA telah menyatakan:⁹

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا
السَّبْعَ الْمَوْبِقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشُّرْكُ بِاللَّهِ وَالسَّحَرُ وَقَتْلُ
النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ
الزَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Maksud:

Jauhilah tujuh jenis dosa besar, bertanya mereka; Apakah itu Ya Rasulullah. Rasulullah menjawab: Syirik kepada Allah, sihir, membunuh tanpa hak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan peperangan kerana takut, dan menuduh wanita yang suci dengan zina (tanpa saksi).

Hadith riwayat al-Tabari daripada 'Auf bin Malik telah menyatakan seperti berikut;

إِيَّاكَ وَالذُّنُوبَ الَّتِي لَا تَغْفَرُ: الْغُلُولُ فَمَنْ غَلَّ شَيْئًا أَتَى بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ،
وَأَكْلُ الرِّبَا فَمَنْ أَكَلَ الرِّبَا بُعِثَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَجْنُونًا يَتَخَبَّطُ

Maksud:

Berhati-hatilah daripada dosa yang tidak diampun, iaitu khianat, sesiapa yang mengkhianati sesuatu (mengambilnya dengan cara yang tidak halal) dia akan dibawa bersamanya pada hari Kiamat. Dan makan riba, sesiapa makan riba nescaya dibangkit pada hari Kiamat dalam keadaan gila kerana rasukan syaitan.

Hukum bekerja dalam institusi yang berinteraksi dengan riba

Para sarjana Islam mempunyai sudut pandangan masing-masing apabila menjawab persoalan apakah hukum bekerja dalam institusi yang berinteraksi dengan amalan riba contohnya bekerja di bank-bank konvensional, operator-operator insurans konvensional dan seumpamanya.

Dr. Monzer Kahf, seorang pakar Syariah semasa, apabila ditanya apakah menjadi haram jika bekerja dengan bank konvensional, beliau mengemukakan pandangan seperti berikut;

“Umum mengetahui bahawa faedah bank (*interest*) merupakan sejenis riba yang dilarang oleh syariah. Syariah juga mengharamkan seseorang itu memberinya, menerima atau mengambilnya, menulis kontraknya dan menjadi saksi atasnya. Maka, sebarang kerja yang memerlukan seorang Muslim untuk membuat kontrak riba, atau menjadi perantara untuk melakukannya seperti berunding dengan pelanggan, mendorong kontrak ditandatangani atau menandatangani bagi pihak bank dan kerja-kerja lain yang berkaitan secara langsung dengan membuat kontrak berasaskan riba yang berkaitan dengan simpanan atau pembiayaan dalam bank yang berasaskan riba adalah diharamkan”.¹⁰

Pandangan hukum yang dikemukakan Dr. Monzer Khaf sebelum ini walau bagaimanapun diberikan pengecualian kepada mereka yang bekerja di bank dalam bahagian/cawangan yang tidak berinteraksi terus dengan riba. Petikan ijihad beliau adalah seperti berikut;

“Terdapat banyak kerja dalam bank yang tidak berkaitan secara langsung dengan Riba seperti pengawal keselamatan, juruwang, kewangan, penyelidik, pengendali bangunan dan mesin, dan sebagainya.”

Dr. Monzer Khaf telah menyandarkan pendirian beliau ini dengan pendapat Sheikh Muhammad al-Siddiq al-Darir dari Sudan dan Sheikh Muhammad al-Mukhtar al-Sallami dari Tunisia yang berpendapat bahawa pekerjaan seperti itu adalah tidak termasuk dalam larangan itu. Bagaimanapun, mereka berpendapat yang kerja yang menyokong operasi berasaskan riba adalah haram.

Dr. Monzer Kahf juga telah disoal “Apakah syariah memberikan keizinan untuk bekerja di bank konvensional di bahagian atau seksyen Teknologi Maklumat?” Beliau menjawab secara konsisten dengan ijtihad beliau sebelum ini iaitu dalam kes yang hampir sama, Beliau menyatakan adalah tidak menjadi masalah untuk bekerja di mana- mana bahagian di bank konvensional selagi mana tidak terlibat dalam penyediaan dokumen kontrak riba atau menandatangani kontrak bagi pihak bank.¹¹

Beliau telah menyatakan pandangan ini yang juga dipelopori oleh Sheikh Mustafa al-Zarqa’, Sheikh Yusuf al-Qaradhawi, Sheikh as-Sallami dan juga Sheikh al-Dharir. Beliau juga menambah bahawa pandangan beliau ini adalah berhujahkan kepada hadith Nabi SAW yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim.

Sheikh Prof. Abdul Sattar Fathallah as-Saeed, seorang profesor Tafsir dan Ulum Quran, Universiti al-Azhar pula apabila diajukan soalan oleh seorang Muslim yang bekerja di jabatan IT di Amerika Syarikat, “Apakah kerjaya yang diceburinya halal?”, Sheikh Prof. Abdul Sattar menjawab seperti berikut:

“Kita ingin menjelaskan dua perkara penting. Pertama, sistem ekonomi biasanya berkaitan dengan Riba. Jika anda terpaksa bekerja dalam bidang ini, maka tiada salahnya, dan anda dimaafkan kerana berbuat demikian. Bagaimanapun, anda mesti bertaubat kepada Allah, dan memohon Allah mengampuni anda semasa anda sedang berusaha keras mencari kerja halal lain. Kedua, jika anda terlibat secara

langsung berurusan dengan Riba, dan ia adalah kerja dan cara mencari rezeki anda, maka anda tidak diibenarkan membuat pekerjaan tersebut.”

Sementara itu, Sheikh Prof. Abdul Sattar juga memberikan penegasan bahawa;

“Bekerja dengan bank berasaskan riba bukanlah pilihan kerja biasa bagi seseorang Muslim. Anda dibenarkan untuk menceburi bidang itu jika hanya anda dapati teramatlah sukar untuk mencari kerja yang halal untuk mencari rezeki. Anda mesti meninggalkan kerja ini pada ketika anda menemui kerja yang lebih sesuai.”¹²

Sheikh Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi di dalam masalah yang sama dalam huraian yang panjang telah mengemukakan bahawa bekerja di bank adalah dibenarkan selagi mana tidak berinteraksi secara terus dengan kontrak riba.¹³

Fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darussalam berkaitan hukum bekerja di bank konvensional telah menyatakan ayat-ayat Allah dan sunnah Nabi SAW yang menyatakan keharaman riba. Walaubagaimanapun fatwa menyebut;

“... sementara pintu-pintu pekerjaan yang jelas halal belum dapat disediakan dengan kadar yang mencukupi dan institusi-institusi kewangan Islam belum dibuka dengan menyeluruh, maka menjadi rukhshah bagi orang Islam bekerja di bank-bank biasa (konvensional) dalam batas dan keadaan-keadaan tertentu sahaja. Bagaimanapun, orang Islam yang bekerja di bank konvensional ini jika dia mampu untuk mendapatkan pekerjaan lain bagi menyara hidupnya dan keluarganya, atau dia lebih wara’ atau lebih tawakkal dengan pekerjaan yang lain itu, maka memadailah dia pekerjaan itu, bukannya di bank riba supaya dia terselamat dia daripada perkara- perkara syubhah atau haram”.¹⁴

Fatwa Lajnah al-Daimah lil Buhuth al-Ilmiah wa al-ifta’ pula mempunyai pendirian yang agak tegas dalam masalah ini apabila telah mengeluarkan pandangan bahawa akauntan di bank ribawi juga termasuk

dalam maksud hadits Nabi SAW riwayat Muslim yang menyatakan laknat kepada pemakan riba.¹⁵

Analisa ringkas berkaitan pandangan sarjana Islam

Berpandukan kepada pandangan ahli-ahli sarjana Islam semasa, mereka dilihat bersepakat mengatakan bahawa sebarang pekerjaan yang berurusan secara terus dengan kontrak riba adalah haram kerana termasuk dalam larangan Nabi SAW yang membawa kepada laknat.

Para sarjana Islam hanyalah berselisih pandangan sama ada mahu mengumumkan larangan Nabi SAW tersebut dengan lebih luas iaitu tidak sekadar kepada mereka yang berinteraksi dengan kontrak riba sahaja, bahkan semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung tetap menerima laknat daripada Nabi kerana menyokong dan bersekongkol dalam sistem riba.

Kaedah kuliyyah

Ijtihad para sarjana Islam dalam menghukumkan keharaman pekerjaan yang bersangkutan dengan amalan riba seperti di sektor ribawi adalah bertepatan dengan kaedah kuliyyah yang menyebut :

ما حرم أخذه حرم إعطاؤه

Maksud:

“Sesuatu yang haram menerimanya juga diharamkan memberinya.”

Dalam erti kata lain, kaedah ini membawa maksud apa sahaja perkara haram diambil atau mengambilnya, haram juga hukumnya jika diberikan kepada orang lain. Ia juga dapat difahami bahawa illahnya akan membantu atau menolong kepada perbuatan yang diharamkan.

Hal ini juga adalah mengikut kehendak firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

إِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا
وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Terjemahannya:

“...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

(Surah al-Maidah, (4):2)

Hukum mempromosikan produk insurans konvensional

Dalam kes ini, iaitu mempromosi produk-produk insurans konvensional, para ejen sememangnya bertugas untuk memasarkan produk-produk konvensional yang telah diputuskan haram secara sepakat. Maka dengan sebab itu, hadith Nabi SAW jelas melarang umat Islam daripada terlibat dengan urusan dan perniagaan ribawi seperti yang dilaporkan Imam Muslim ia dikira terpakai dalam konteks ini. Hadith yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ
وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ¹⁶

Maksud:

“Walau bagaimanapun, bagi pekerja-pekerja yang tidak berurusan secara langsung dengan kontrak dan perniagaan riba, mengikut pandangan beberapa ulama’ seperti yang disebut di atas, pekerja-pekerja tersebut tidaklah dihukum mengikut hadith Nabi ini.”

Dalam pada masa yang sama ada juga pandangan yang berpendapat selagi mana seseorang Muslim itu bekerja di bawah “bumbung” institusi yang mengamalkan sistem riba, pekerjaan mereka adalah ditegah kerana menyokong sistem yang dicela oleh Allah itu. Hujah yang diberikan adalah berdasarkan keumuman ayat Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2.

Resolusi Muzakarah Pakar Takaful Pertama

Muzakarah Pakar Takaful¹⁷ Tahun 2006¹⁸ telah membincangkan isu “Seseorang ejen memasarkan produk takaful dan juga insurans konvensional” telah bersetuju mengambil ketetapan seperti berikut:

- i. Ejen takaful sama sekali tidak dibenarkan untuk memasarkan produk insurans konvensional.
- ii. Ejen insurans konvensional yang ada keinginan untuk memasarkan produk takaful dibolehkan kepada mereka untuk memasarkan produk insurans konvensional untuk tempoh masa tertentu sahaja (*grace period*). Tempoh ini disebut sebagai tempoh peralihan kepada mereka dan apabila tempoh tersebut tamat, maka mereka perlulah berhijrah sepenuhnya kepada takaful.

Statistik jumlah ejen insurans konvensional dan takaful tahun 2009

Mengikut laporan tahunan industri insurans konvensional dan takaful bagi tahun 2009 yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia,¹⁹ telah menunjukkan jumlah ejen bagi kedua-dua sektor. Dalam sektor insurans konvensional, sejumlah 80,078 orang ejen produk insurans hayat, dan sejumlah 35,930 orang ejen produk insurans am yang berdaftar.²⁰ Manakala, dalam sektor takaful pula telah tercatat ejen produk takaful keluarga adalah berjumlah 55,898 orang, manakala seramai 32,997 orang ialah ejen skim-skim takaful am.²¹

Sungguhpun angka tersebut tidak mengklasifikasikan berapa ramai jumlah ejen Muslim dan non-muslim, akan tetapi statistik yang diperakukan oleh Bank Negara Malaysia ini telah menunjukkan jumlah ejen insurans konvensional masih mendominasi pasaran semasa industri iaitu secara keseluruhannya mempunyai 116,008 orang yang merangkumi ejen insurans hayat dan insurans am. Manakala sektor takaful pula mencatatkan jumlah keseluruhan ejen ialah 88,895 orang dan ia juga merangkumi ejen produk takaful keluarga dan takaful am. Statistik tahun 2009 ini telah menunjukkan jumlah ejen insurans konvensional masih mengatasi jumlah ejen takaful sebanyak 27,113 orang.

Angka di atas juga memberi gambaran bahawa peluang pekerjaan dalam sektor takaful sebagai ejen takaful amatlah besar untuk ditembusi dan sangat memerlukan sokongan daripada umat Islam khususnya dalam memartabatkan sistem muamalat Islam dan meruntuhkan sistem ribawi.

Berpandukan kepada input yang dikemukakan ini dapatlah dirumuskan perkara-perkara seperti berikut;

- i. Dalil al-Quran, as-Sunnah dan ijma' telah menunjukkan dengan jelas keharaman amalan riba.
- ii. Insurans konvensional merupakan aktiviti perniagaan yang diharamkan secara sepakat oleh para ulama' kerana ia mengandungi unsur tidak patuh syariah.
- iii. Para sarjana Islam dilihat sepakat mengatakan sebarang pekerjaan yang berinteraksi secara terus dengan kontrak riba adalah dilarang dan ditegah; ia berhujahkan kepada hadith Nabi SAW riwayat Muslim yang melaknat pemakan riba, pewakil riba dan saksi riba. Mereka berpendapat kerja mempromosikan produk insurans konvensional merupakan salah satu kerja yang berkaitan kontrak riba.
- iv. Walau bagaimanapun, para sarjana Islam hanya berselisih pendapat apabila mahu meluaskan lagi maksud hadith Nabi SAW riwayat Muslim tersebut.
- v. Kaedah kuliyyah yang menyebut "sesuatu perkara yang haram menerimanya adalah haram memberinya" juga menyokong premis keputusan para sarjana Islam yang mengharamkan kerja-kerja yang berurusan terus dengan riba.
- v. Industri takaful khususnya Malaysia masih lagi berada sedikit ke belakang jika dibandingkan dengan industri insurans konvensional yang telah lama bertapak. Statistik perbandingan jumlah ejen di kedua-dua sektor yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia boleh dijadikan panduan dalam isu ini.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah membincangkan "Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah" dalam sidanganya kali ke-89 pada 14-16 Disember 2009 telah bersetuju memutuskan ketetapan seperti berikut;

“Muzakarah berpandangan bahawa sistem takaful berlandaskan syariah sedang pesat berkembang dan memerlukan sokongan umat Islam dalam usaha untuk memartabatkan sistem muamalat Islam. Sehubungan itu, Muzakarah memutuskan bahawa orang Islam adalah dilarang mempromosikan produk insurans konvensional yang jelas berasaskan sistem riba. Walau bagaimanapun, pendapatan atau komisyen yang diterima dalam proses transisi dari sistem konvensional kepada takaful adalah dimaafkan.”²²

Penutup

Seharusnya keputusan yang telah dipersetujui oleh ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini telah memuktamadkan hukum mempromosikan produk-produk insurans konvensional. Justeru, dalam konteks Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab kepada seluruh umat Islam untuk menjadi keputusan rasmi ini sebagai panduan dan juga pegangan.

Keputusan tersebut juga amat jelas dan sepatutnya dijadikan asas keazaman yang kuat kepada umat Islam untuk terus bersatu mendokong dan menyokong sistem muamalat Islam khususnya industri takaful. Tidak setakat menjadi pengguna, sebaliknya juga menjadi jentera menyebarkan industri takaful untuk mendominasi industri perlindungan risiko di Malaysia.

Nota Hujung

1. JAKIM, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*. Putrajaya: JAKIM, hlm 80.
2. *Ibid*, hlm 75.
3. Al- Tabari (2001), *Tafsir Jami'ul Bayan wa Ta' wil ayat al- quran*, Juz. 3, Beirut: Dar Ihya' al Turath Al-Arabi, h. 122
4. Al-Tabari (2001), *Tafsir Jamiul Bayan wa Ta' wil aay al-quran*, Juz. 3, Beirut: Dar Ihya' al Turath Al-Arabi, h. 122
5. Al- Zuhaili (1994), *Tafsir al-Munir*, Juz 5, Dimasyq: Darul Fikr, hlm 87.
6. Al-Tabari (2001), *Tafsir Jamiul Bayan wa Ta' wil aay al-quran*, Juz. 3, Beirut: Dar Ihya' al Turath Al-Arabi, hlm 128.
7. *Ibid*, hlm 129.
8. Hadith Riwayat Muslim, bab al Musaqa: *La'n akil al-ribawa mukilah*.
9. Hadith Riwayat al-Bukhari, bab al-Wisoya; *Qaul Allah Taala Innallazina ya'kuluna amwal al-yatama*.
10. http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?cid=1119503543480&pagename=IslamOnline-English-Ask_Scholar%2FFatwaE%2FFatwaEAskTheScholar
11. http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?cid=1119503547406&pagename=IslamOnline-English-Ask_Scholar%2FFatwaE%2FFatwaEAskTheScholar
12. http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?pagename=IslamOnline-English-Ask_Scholar/FatwaE/FatwaE&cid=1119503544116
13. Al-Qaradawi, Yusuf (tt), *Fatawa Muasarah*, Juz. 2, Beirut: Dar Uli al-Nuha, hlm 609-611.
14. Jabatan Mufti Kerajaan Brunei (2001), *Fatwa Mufti Kerajaan Tahun 200*. hlm 249.
15. Ahmad bin Abd al-Razzaq al-Duwaisy (al- Sheikh) (2000), *Fatwa Lajnah ad-Daimah lil Buhuth al-Ilmiah wa-al-Ifta*. jld 13, Riyadh: Dar al-Muawwid. hlm 344.
16. Hadith Riwayat Muslim, bab al Musaqa: *La'n akil al- ribawa mukilah*

17. Merupakan sebuah forum yang menghimpunkan seluruh anggota Jawatankuasa Syariah, pengurusan tertinggi dan pegawai Jabatan Shariah di seluruh pengendali Takaful di Malaysia. Muzakarah ini dianjurkan oleh Malaysia Takaful Association (MTA) secara tahunan.
18. Bersidang pada 2-3 Ogos 2006 di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur
19. Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=12>, 23 September 2010
20. Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/dgi/en/2009/1.1.pdf>, 23 September 2010
21. Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=12&pg=683&ac=79&yr=2009>, 23 Oktober 2010
22. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-mempromosikan-produk-insurans-konvensional-menurut-perspektif-syariah>, 20 September 2010

Rujukan

- Abdullah Muhammad Basmeih. (2000). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar al Fikr.
- Al- Asqalani (2000), *Fathul Bari Syarh Sahih Bukhari*, Jil. 5. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al- Tabari, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. (2001), *Jamiul bayan an ta'wil al-Quran*, Jil. 3. Beirut: Dar Ihya' al Turath al-Arabi
- Bahagian Penyelidikan JAKIM (2004), *Koleksi Kertas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*.
- Centre For Research and Training (2009). *Prosiding muzakarah penasihat syariah kewangan Islam*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). *Kamus dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Abdul Aziz al-Khalidi (1996). *Sunan Abi Dawud*, Jil 2. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ahmad bin Abd al-Razzaq al-Duwaisy. (2000). *Fatawa al- Lajnah al-daimah lil buhuth al-ilmiah wa al-ifta'*, Jil 13, Riyadh: Dar al-Muawwid.

Wahbah al- Zuhaili. (1994), *Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Jil. 5, Dimasyq: Darul Fikr

Yusuf al-Qaradhawi. (2000). *Fatawa Mu'asirah*. Jil 2, al-Kuwayt : Dar al-Qalam.

<http://www.bnm.gov.my>

<http://www.islamonline.net>

<http://www.infad.usim.edu.my>

الاستثمار بالمشاركة في المصارف الإسلامية (Investment By Participation In The Islamic Banks)

الأستاذ الدكتور محمد نصران بن محمد^١

دكتور عبد الودود مصطفى مرسى السعودي^٢

ملخص

تعتبر الشركة من أهم أساليب التمويل الاستثماري والتي عدها أغلب العلماء البديل الإسلامي عن الفائدة المصرفية الربوية ، ويهدف هذا البحث إلى توضيح الاستثمار بالمشاركة وصوره في البنوك الإسلامية ، ودوره في النهوض بالاقتصاد الإسلامي ، كما يهدف البحث إلى توضيح أنواع وأشكال المشاركة في البنوك الإسلامية مع ذكر النماذج والصور التي توضح تلك الأشكال . وقد أعتمدنا في كتابة هذا البحث المنهج الاستقصائي والمنهج التحليلي ، وذلك باستقصاء ما كتبه الفقهاء والاقتصاديون في مجال البحث ، ثم تتبعنا ذلك بالتحليل والتقويم لكل ما نقلته من آراء . أما خطة البحث : فذكرنا مفهوم الاستثمار في الإسلام والاقتصاد ، ومفهوم المشاركة في الفقه الإسلامي ومشروعيتها ، وحقيقة المشاركة كما تجريها البنوك الإسلامية ، وشروط المشاركة وانتهاء المشاركة ، أنواع وأشكال المشاركة في البنوك الإسلامية ، أهم صيغ المشاركة في البنوك الإسلامية ، والخطوات العملية للمشاركة في البنوك الإسلامية ، والتكييف الفقهي لعقد المشاركة المنتهية بالتملك ، وشروط وأحكام عقد المشاركة ، وتقييم عقد المشاركة . أما نتائج البحث فأبرزها : استطاعت المصارف الإسلامية أن تثبت رغم المعوقات والصعوبات أن الإسلام يشتمل على أسس وقواعد سليمة لخدمة

الاقتصاد والمجتمع، إن عقود الاستثمار الإسلامية خاصة المشاركة ، أثبتت نجاحها في مجال التطبيق المصرفي المعاصر، لا بد من تنظيم العلاقة بين صاحب المال والإدارة وهو الحال في المشاركة الشرعية فصاحب المال أحق بإدارته لأن الخسارة تقع في عين ماله ، إن البنوك الإسلامية تقف عاجزة عن القيام بالمشاريع الكبرى بسبب انعدام خبرتها ، لذا فإن على البنك الإسلامي تطوير خبرته إلى الحد الذي تسمح به موارده ؛ لسد الحلقة المفقودة في نظام الصيرفة الإسلامي ، إن البنوك الإسلامية تعتبر النافذة الأبرز للاقتصاد الإسلامي ولن يكتب لتجربتها النجاح الكامل إلا في ظل بيئة إسلامية متكاملة تنتظم فيها كل جوانب الحياة لتثمر السعادة في الدنيا والآخرة

Abstract

The participation is one of the most important methods of investment financing, as most jurisprudent consider it the Islamic alternative of the usurious interest, this research aims to clarify the investment by participation and its forms in Islamic banks, and its role in promoting the Islamic economy, also the research aims to clarify the types and forms of participation in Islamic banks, together with the models that illustrate those forms. I depended on the survey method and the analytical method in writing this research, in a survey what was written by jurisprudent and economists in the field of research, then I followed that by analysis and evaluation of each opinion. The research plan: the concept of investment in Islam and in the economy, the concept of participation in Islamic jurisprudence and its legitimacy, and the fact of participation, as carried out by Islamic banks, and terms of participation and the end of participation, types and forms of participation in Islamic banks, the most important forms of participation in Islamic banks, and the practical steps for participation in Islamic banks, and the juristic conditioning of the

partnership which ended with ownership, and the requirement and provisions and evaluation of the contract of participation. The results of the search: The Islamic banks able to prove that despite the constraints and difficulties that Islam includes the principles and correct rules to serve the economy and society, the Islamic contracts of investment in particular, participation, have proven successful in the field of modern banking application, the relationship between the owner of money and administration must be organized and this is in the case of legitimate participation as the owner of the money is more deserving by management, because the loss is in his money, the Islamic banks are not able to do large projects due to lack of experience, so the Islamic banks must develop its expertise to the extent that its resources permit; to fill the missing link in the Islamic banking system, the Islamic banks are the most prominent window of the Islamic economy and this experience will not be achieved a complete success except under an Islamic integrated environment in which all aspects of life are well-organized to produce happiness in this present life and in the Hereafter.

تعتبر الشركة من أهم أساليب التمويل الاستثماري والتي عدها أغلب العلماء البديل الإسلامي عن الفائدة المصرفية الربوية .

مفهوم الاستثمار في الإسلام :

الاستثمار في اللغة : مصدر استثمر يستثمر ، وأصله من الثمر، مصدر لفعل استثمر يستثمر استثماراً، وهو للطلب بمعنى طلب الاستثمار، إذ إن السين والتاء للطلب، وهو مشتق من ثمر، والثاء والميم والراء أصل واحد يدل على وهو له عدة معانٍ منها شيء يتولد من شيء، ثم يحمل على غيره استعارة^١، ما يحمله الشجر وما ينتجه ، ومنها الولد حيث قال: الولد ثمرة القلة^٢،

و ثَمَّر ماله، أي: نَمَّاه، وأثمر الرجل، أي: كثر ماله وكذلك يطلق على أنواع المال كالذهب والفضة^٣.

الاستثمار في الاصطلاح^٤: لقد عبر الفقهاء عن الاستثمار بكلمات كثيرة المعنى المعاصر للاستثمار على يدل مما غيرها والتثمير، والاستنماء كالتمنية، تشير الكثير من الدراسات الحديث^٥ إلى استخدام الفقهاء لفظ «التثمير». وذلك عند حديثهم عن السفية والرشيد فقالوا: الرشيد هو القادر على تثمير ماله وإصلاحه، والسفيه هو غير ذلك، قال الإمام مالك: «الرشد: تثمير المالي، وإصلاحه فقط»^٦ وأرادوا بالتثمير ما نعني بالاستثمار اليوم^٧. ولا يخرج المعنى الاصطلاحي للفقهاء عن المعنى اللغوي، ولا يستعمل الفقهاء لفظ (الاستثمار) بل يستعملون لفظ (التثمير) ويقصدون من التثمير تكثير المال وتنميته بسائر الطرق المشروعة، وأكثر ما يستعمل الفقهاء في هذا المجال كلمة (التمنية) و(الاستنماء) وهو طلب (النماء) وقد تكرر ذلك في باب (المضاربة) و(القراض)، فمن كلام الكاساني الحنفي في ذلك قوله: المقصود من عقد المضاربة هو (استنماء) المال.

مفهوم الاستثمار في الاقتصاد: كلمة الاستثمار في المجال الاقتصادي مرادفة للكلمتين:

الإنجليزية، وهذه الكلمة Investment، وكلمة (Investisoment) الفرنسية الأوروبية بلفظها تعني استغلال المال بقصد الحصول على دخل، مثل إنشاء مصنع أو شرائه أو شراء أسهم وسندات وغيرها من أسباب نماء الثروة^٨. وقد عرّف الاقتصاديون الاستثمار بعدة تعريفات، منها:

– التعريف الأول: «التنازل عن السيولة التي يمتلكها الفرد في لحظة معينة ولفترة معينة من الزمن، قد تطول أو تقصر وربطها بأصل أو أكثر من الأصول التي يحتفظ بها لتلك الفترة الزمنية بقصد الحصول على تدفقات مالية مستقبلية»^٩.

– التعريف الثاني: «توظيف للنقود لأي أجل في أي أصل أو حق ملكية أو ممتلكات أو مشاركات محتفظ بها للمحافظة على المال أو تنميته، سواء بأرباح دورية أو بزيادات في قيمة الأموال في نهاية المدة أو بمنافع غير مادية»^{١٠}.

– التعريف الثالث: «الحصول على حقوق ترتبط بأصول مادية أو معنوية (غير مادية) بغية الحصول على دخل عاجل أو أجل كما يتراءى للمستثمر، أو يتلاءم مع حاجته أو رغبته»^{١١}.

– التعريف الرابع: «مجموع التوظيفات التي من شأنها زيادة الدخل وتحقيق الإضافة الفعلية إلى رأس المال الأصلي من خلال امتلاك الأصول التي تولد العوائد، نتيجة تضحية الفرد بمنفعة حالية للحصول عليها مستقبلاً بشكل أكبر من خلال الحصول على تدفقات مالية مستقبلية»^{١٢}.

من خلال التعريفات السابقة لمعنى الاستثمار من المنظور الاقتصادي، يتضح الآتي: إن التعريفات السابقة لها معانٍ متقاربة حيث إن هدف الاستثمار كما ورد من خلالها هو الحصول على تدفقات مالية مستقبلية، وقد أغفلت التعريفات دور القيم في توجيه وترشيد الاستثمار، لما للقيم من دور هام في العملية الاستثمارية فالاستثمار باعتباره حركةً وعملاً لا بد له من قيم وضوابط تحكمه.

تعريف صياغة إعادة في منها الاستفادة يمكن التعريفات هذه دراسة خلال من ومتضمن جهة، من حقيقته عن يعبر الإسلامي المنظور من جديد للاستثمار من له تعريف أي في أساسية ركيزة نراه الذي المعنى اللغوي نفسه الوقت في والمقاصد والمبادئ القيم ومكانة دور على إبراز اشتماله إلى إضافة أخرى، جهة من الاستثمار تعريف فإنه يمكننا كلية ؛ وعليه بصفة الاستثمارية العملية في : بأنه إسلامي منظور

أو مباشر بشكل الحاجة عن – المدخرات – الزائد للمال الموجه الفعلي التوظيف وذلك ومقاصده، الشرع مبادئ مع يتعارض لا اقتصادي نشاط في غير مباشر

القيام على الجماعة أو الفرد به يستعين منه على عائد الحصول بغية الكون^{١٣} . وعمارة لله الخلافة بمهمة

إن الملاحظ في هذا التعريف هو شموله لمسألتين الأولى : الاستثمار كما نفهمه ضمن رؤية إسلامية وفق مبادئ الشريعة الإسلامية ومقاصده فلا عبء بالاستثمار بالطرق غير الشرعية والمحرمة كالالتجار بالخمير والخنزير وغيرها مما لا يدخل في إطار الشريعة الإسلامية .

أما المسألة الثانية : التركيز على أن الهدف الرئيسي من الاستثمار وفق المنظور الإسلامي ليس محصوراً بتحقيق النفع للمستثمر فقط بل يضمن تشغيل ودفع التنمية الاقتصادية .

مفهوم المشاركة :

المشاركة لغة : تأتي المشاركة بمعنى الاختلاط و الامتزاج ، جاء في لسان العرب : الشركة بمعنى مخالطة الشريكين ، أي اشتراك الشريكين برأس المال ، الشركة : مخالطة الشريكين . يقال : اشتركنا بمعنى تشاركنا وجمع الشريك : شركاء ، وإشراك^{١٤} ، فهي تأتي بمعنى توزيع الشيء بين اثنين فأكثر على جهة الشيوع^{١٥} .

المشاركة اصطلاحاً : عرفها الشافعية : بأنها ثبوت الحق لاثنتين فأكثر على جهة الشيوع^{١٦} ، وعرفها الحنابلة : بأنها الاجتماع في استحقاق أو تصرف^{١٧} . وقال المالكية : الشركة إذن في التصرف لهما مع أنفسهما ، أي إنه إذن من كل منهما في التصرف في ماله لهما مع بقاء تصرف أنفسهما . وقال الحنفية : الشركة عبارة عن عقد بين المتشاركين في رأس المال والربح^{١٨} . وأرى أن تعريف الحنفية هو أولى التعاريف ؛ لأنه يعبر عن حقيقة الشركة في أنها عقد ، أما التعاريف الأخرى فهي بالنظر إلى هدف الشركة وأثرها أو النتيجة المترتبة عليها .

إن الملاحظ من خلال التعريفات أنها تدل على اختلاط نصيبين فصاعداً بحيث لا يتميز نصيب أحدهما عن غيره^٩، بمعنى استواء الشركاء في المسؤولية سواء، فالشركة عقد ينشئ بين اثنين أو أكثر يتفقان فيه على القيام بنشاط اقتصادي معين بقصد تحقيق الأرباح.

حقيقة المشاركة كما تجريها المصارف الإسلامية :

